

## **UCAPAN PEMBENTANGAN BELANJAWAN 2019 NEGERI SELANGOR**

**OLEH Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI**

**DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,

1. Hari ini genap enam bulan pentadbiran Pakatan Harapan menggalas amanah sebagai Kerajaan Negeri Selangor selepas Pilihanraya bersejarah 9 Mei 2018. Sepanjang tempoh tersebut, saya bersama anggota pentadbiran mencurahkan tenaga dan usaha untuk mendengar sebanyak mungkin idea, mendekati rakyat dan merumuskan apakah bentuk kebijakan yang harus diambil serta permasalahan yang perlu ditangani segera.
2. Sungguhpun Selangor terkenal dengan julukan Gedung Ekonomi Malaysia, kita seharusnya tidak mudah berpuas hati dan hanyut dibuai dengan keselesaan tersebut. Sewajarnya kita berusaha lebih kuat untuk memantapkan prestasi ekonomi, meningkatkan kecekapan pentadbiran dan memastikan kewibawaan yang berteraskan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban sentiasa dijunjung.
3. Sayugia diinsafi, kecekalan pentadbiran Negeri Selangor semenjak dari tahun 2008 demi melaksanakan agenda yang peduli rakyat telah menjadi pemangkin kepada mandat yang sangat luar biasa pada pilihanraya raya umum yang lalu. Keyakinan rakyat Selangor terhadap pentadbiran Pakatan Harapan itu diterjemahkan kepada kemenangan 51 daripada 56 kerusi di Dewan Negeri Selangor.
4. Naratif pembangunan ekonomi di Selangor ini menjadi contoh dan dengan izin, "selling point" yang berjaya membawa Pakatan Harapan ke Putrajaya. Kemenangan tersebut harus ditanggapi juga sebagai suatu kemahuan rakyat Malaysia kepada perubahan yang menyeluruh.
5. Justeru saya memikul tanggungjawab yang berat untuk meneruskan kecemerlangan dan melaksanakan tuntutan-tuntutan perubahan yang diingini oleh rakyat.
6. Dokumen yang bakal dibentangkan hari ini adalah hasil dari garapan yang berasaskan kepada hasrat Reformasi serta mengambil kira keperluan realiti masyarakat di Negeri Selangor, cita-cita mahu melonjakkan negeri ini sebagai aktor serantau Asia Tenggara.
7. Oleh itu beberapa komponen inisiatif ekonomi telah dikenal pasti bagi memastikan belanjawan tahun 2019 ini menampilkan suatu keseimbangan di antara usaha merancakkan ekonomi sekaligus mencipta aliran pendapatan yang baharu kepada negeri dan keperluan untuk memberdayakan rakyat Negeri Selangor Darul Ehsan.

8. Maka suatu rumusan telah dicapai bertunjangkan ikhtiar untuk **Merencanakan Ekonomi, Memberdayakan Rakyat dan Mensejahterakan Negeri.**

9. Izinkan saya menukikan tulisan Adam Smith yang berjudul *The Theory on Moral Sentiments* yang diterbitkan pada tahun 1759. Pemuka Pencerahan Skotlandia ini menulis tentang “the authority of our conscience,” kewibawaan akal budi kita yang mengemudi cita-cita untuk melaksanakan kebaikan. Smith menyebut, “Hanya akal, prinsip, nurani, yang berada di dalam dada, adalah diri yang menjadi hakim dan penentu kepada tindakan kita... **It is he who shows us the propriety of generosity and the ugliness of injustice.**”

10. Semoga kewibawaan akal budi menjadi seumpama bintang utara kepada pentadbiran ini untuk menzahirkan kecemerlangan melakukan kebaikan, kecemerlangan untuk memberdayakan masyarakat, *the propriety of generosity* dan moga Allah SWT memberi petunjuk kepada kita untuk menjauhi kezaliman atau apa yang Adam Smith sebut *the ugliness of injustice*.

#### A. **SENARIO EKONOMI**

##### **Ekonomi Global**

11. Perang dagang yang tercetus di antara China - Amerika Syarikat (AS) dan risiko politik daripada ketidakpastian dasar-dasar akibat dari perang itu menyebabkan pelabur terus berhati-hati dan pastinya memberi impak yang berkemungkinan menjejaskan sumber pertumbuhan kepada ekonomi negara. Amerika Syarikat terus mencatat defisit perdagangan yang berpanjangan dan semakin besar disebabkan ia lebih banyak mengimport berbanding mengeksport barangan daripada rakan-rakan dagangannya. Dalam kalangan rakan dagangannya, China menyumbangkan hampir 50 peratus daripada defisit perdagangan Amerika Syarikat. Hal ini sebahagiannya menjadi asas pertimbangan bagi AS untuk menggubal kadar tarif yang lebih tinggi terhadap negara-negara lain, termasuk China.

12. Beberapa siri tindakan perdagangan yang telah dimulakan oleh AS pada bulan Januari 2018 turut diikuti oleh China sebagai langkah tindak balas yang dijangka memberi kesan terhadap ekonomi global terutamanya melalui saluran perdagangan dan pelaburan.

13. Kesan tindak balas daripada pengumuman tarif AS dan China melalui perdagangan dijangka mengurangkan sedikit kadar pertumbuhan KDNK global.

14. Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mengunjurkan sekiranya perang dagang ini terus meningkat, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka merosot 0.5 peratus menjelang tahun 2020 namun masih mengekalkan unjuran pertumbuhan sebanyak 3.9 peratus di tahun 2018 dan 2019.

15. Bagaimanapun, Malaysia dijangka menerima kesan perang dagang yang minimum buat masa ini memandangkan struktur ekonomi negara yang terbuka dan pelbagai yang akan menjadi penampan kepada negara dalam berdepan sebarang kejutan dalaman mahupun luaran.

### **Ekonomi Serantau**

16. Negara-negara membangun di Asia termasuklah sepuluh negara anggota ASEAN berserta China dan India dijangka akan merekodkan pertumbuhan ekonomi yang kekal stabil dalam tempoh terdekat. Purata keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebenar di rantau ini dijangka akan berkembang sebanyak 6.6% pada 2018 dan 6.5% pada tahun 2019, berdasarkan asas penggunaan dan pelaburan yang secara umumnya teguh.

17. Sepuluh negara-negara ASEAN dijangka akan menyaksikan pertumbuhan purata sebanyak 5.3% pada tahun 2018 dan 2019, dengan kadar pertumbuhan tertinggi dicatatkan di negara Kemboja, Laos, Myanmar, Vietnam dan Filipina.

18. Secara keseluruhannya, kedudukan ekonomi bagi negara-negara membangun Asia adalah stabil. Kedudukan fiskal negara-negara membangun Asia agak baik, walaupun arah dasar fiskal negara-negara ini bercampur.

### **Ekonomi Malaysia**

19. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara tumbuh sebanyak 5.4 peratus pada suku pertama 2018 dan jangkakan sederhana pakar ekonomi bagi suku kedua ialah pada 5.2 peratus. Namun begitu, gangguan bekalan menyaksikan Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan bagi suku kedua 2018 pada 4.5 peratus berbanding 5.8 peratus tahun lalu, yang mana jauh lebih rendah daripada dijangkakan ramai pakar ekonomi.

20. Sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong oleh perbelanjaan kukuh pengguna susulan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sifar dan permintaan berterusan terhadap produk elektrik dan elektronik dan produk berkaitan pengguna. Kadar

inflasi telah mencatatkan penurunan kepada 1.3 peratus (S1 2018: 1.8 peratus) kesan daripada pelaksanaan kadar GST sifar

21. Momentum sektor perkhidmatan kekal dengan pertumbuhan 6.5 peratus yang didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit dengan catatan pertumbuhan lebih tinggi iaitu 7.3 peratus kesan daripada perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi. Manakala sektor pembuatan merekodkan pertumbuhan sederhana pada kadar 4.9 peratus disebabkan oleh penurunan dalam pengeluaran kelapa sawit. Namun, pertumbuhan sektor ini telah disokong oleh produk elektrik, elektronik & optikal yang mencatatkan peningkatan kepada 6.2 peratus.

22. Bagi sektor pembinaan pula menunjukkan pertumbuhan perlahan namun agak stabil dengan kadar 4.7 peratus daripada 4.9 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan yang kukuh dalam subsektor kejuruteraan awam yang mencatatkan pertumbuhan pada kadar 18.9 peratus telah merangsang pertumbuhan sektor ini.

### **Ekonomi Negeri Selangor**

23. Sepanjang hampir 10 tahun, Negeri Selangor terus kekal menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia melebihi 20 peratus. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Selangor mempunyai keupayaan kewangan yang stabil melalui pengukuhan aspek tadbir urus yang menghasilkan perkhidmatan yang efisien dan polisi yang efektif. Peratus sumbangan KDNK Negeri Selangor kepada KDNK Malaysia pada tahun 2017 meningkat kepada 23 peratus daripada 22.7 peratus pada tahun sebelumnya dan dijangka akan terus meningkat dalam tahun 2018. Manakala, kadar pertumbuhan KDNK Selangor pada 2017 adalah sebanyak 7.1% berbanding 4.8% pada tahun 2016.

24. Malaysian Institute of Economic Research (MIER) mengunjurkan ekonomi Negeri Selangor dijangka kekal positif pada kadar 5.7 peratus pada tahun 2018 dengan semua sektor mencatatkan peningkatan kecuali sektor pertanian manakala sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor.

25. Sektor perkhidmatan di Selangor merekodkan nilai ditambah berjumlah RM161.79 bilion pada tahun 2017. Sumbangan sektor perkhidmatan kepada keseluruhan KDNK Selangor adalah sebanyak 60 peratus. Sektor ini mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.8 peratus pada tahun 2017 berbanding 6.0 peratus pada tahun sebelumnya.

26. Selangor merupakan penyumbang utama kepada sektor pembuatan di Malaysia iaitu sebanyak 29.4 peratus. Nilai ditambah sektor ini pada tahun 2017 adalah sebanyak RM79.2 bilion berbanding RM73.4 bilion pada tahun 2016. Peningkatan nilai sebanyak RM5.8 bilion ini merekodkan pertumbuhan 7.9 peratus (2016: 4.3%). Pertumbuhan yang kukuh ini diterajui oleh industri berorientasikan eksport dan domestik.

27. Sub-sektor produk elektrik, elektronik dan optikal mencatatkan pertumbuhan dua angka, iaitu 10.2 peratus (2016: 7.4%) disokong oleh pengeluaran yang tinggi bagi produk semikonduktor, litar elektronik bersepadu dan peralatan elektronik pengguna yang menerima permintaan global yang tinggi.

28. Ini seiring dengan jumlah pelaburan yang diluluskan bagi industri elektrik dan elektronik yang meningkat kepada RM479.7 juta berbanding RM188.2 juta pada tahun sebelumnya.

## **B. PRESTASI KEWANGAN NEGERI SELANGOR**

### **Kedudukan Kewangan**

29. Jumlah wang awam Kerajaan Negeri yang terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2017 adalah Ringgit Malaysia Dua Bilion, Lapan Ratus Tiga Puluh Lapan Juta, Lapan Ratus Sembilan Belas Ribu, Satu Ratus Sembilan Puluh Lapan dan Sembilan Puluh Dua Sen (RM 2,838,819,198.92).

30. Prestasi kewangan Kerajaan Negeri pada 15 November 2018 adalah baik dengan kedudukan rizab semasa negeri sebanyak RM2.34 bilion. Pengurangan rizab semasa sebanyak RM503.12 juta berbanding akhir tahun 2017 adalah selaras dengan perancangan belanjawan yang diluluskan bagi tujuan mensejahterakan ekonomi dan kehidupan rakyat di Negeri Selangor. Belanja Pembangunan sudah mencapai tahap 74.76 peratus manakala Belanja Mengurus mencatatkan 75.18 peratus.

### **Kedudukan Hasil Negeri**

31. Kutipan sebenar hasil negeri bagi tahun 2017 adalah Ringgit Malaysia Dua Bilion, Lapan Ratus Sepuluh Juta, Satu Ratus Tiga Ribu, Tujuh Ratus Tujuh Puluh Satu dan Enam Puluh Lima Sen (RM2,810,103,771.65).

32. Hasil Cukai mencatatkan kutipan sebanyak RM 666.38 juta, Hasil Bukan Cukai mencatatkan RM 1.93 bilion dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM 214.62 juta.

33. Sehingga 15 November 2018, Kerajaan Negeri mencatatkan kutipan hasil sebanyak RM 1.79 bilion iaitu 79.55 peratus daripada anggaran hasil bagi 2018 sebanyak RM 2.25 bilion. Diunjurkan pada 31 Disember 2018, Kerajaan Negeri akan berjaya mengutip hasil berjumlah RM 1.89 bilion bersamaan 84 peratus dari sasaran RM 2.25 bilion.

34. Hasil Cukai mencatatkan kutipan sebanyak RM 612.18 juta (95.24 peratus), Hasil Bukan Cukai mencatatkan RM 930.07 juta (66.74 peratus) dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM 247.62 juta (115.91 peratus).

### **Anggaran Hasil**

35. Hasil bagi tahun 2019 dianggarkan Ringgit Malaysia Dua Bilion, Dua Ratus Juta (RM2,200,000,000). Antara penyumbang utama kepada hasil negeri adalah Premium Tanah (44.21 peratus), hasil Cukai Tanah (26.2 peratus), urusniaga berkaitan tanah (4.33 peratus) dan Pemberian Persekutuan (9.49 peratus).

36. Anggaran kutipan hasil Cukai Tanah adalah sebanyak RM 576.32 juta. Kutipan hasil cukai tanah ini dianggarkan meningkat kerana pelaksanaan kutipan Cukai Petak (PCP) ke atas hakmilik strata mulai Jun 2018.

37. Anggaran kutipan hasil Premium Tanah adalah sebanyak RM 972.64 juta. Anggaran kutipan hasil bagi pelbagai urusniaga berkaitan tanah adalah sebanyak RM 95.18 juta. Anggaran terimaan daripada Pemberian Persekutuan adalah sebanyak RM 208.81 juta.

### **C. BELANJAWAN 2019**

## **Anggaran Perbelanjaan**

38. Berdasarkan kedudukan kewangan negeri yang kukuh dan terus berdaya tahan, maka Kerajaan Negeri mencadangkan agar anggaran perbelanjaan tahun 2019 berjumlah Ringgit Malaysia Dua Bilion, Lima Ratus Enam Puluh Juta (RM 2,560,000,000) bagi Belanjawan Negeri Selangor 2019.

39. Daripada jumlah tersebut, Ringgit Malaysia Satu Bilion, Dua Ratus Lapan Puluh Juta (RM 1,280,000,000) atau 50 peratus diperuntukkan bagi Belanja Mengurus dan Ringgit Malaysia Satu Bilion, Dua Ratus Lapan Puluh Juta (RM 1,280,000,000) atau 50 peratus untuk Belanja Pembangunan.

40. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri akan melaksanakan perbelanjaan seimbang di antara peratusan Belanja Pembangunan dengan peratusan Belanja Mengurus. Belanjawan 2019 dijangka akan mengalami defisit berjumlah Ringgit Malaysia Tiga Ratus Enam Puluh Juta (RM 360,000,000) berpunca dari peruntukan pembangunan yang substantif untuk memenuhi keperluan pembangunan mampan.

41. Pengalaman empat belanjawan yang lalu membuktikan perbelanjaan berhemah, memperkukuh budaya kerja cekap dan berintegriti dan menutup ruang pembaziran serta ketirisan telah berjaya mengubah belanjawan defisit kepada belanjawan berimbang dan mengurangkan belanjawan defisit kepada satu jumlah yang munasabah.

42. Seperti mana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem Cut-off mulai dari tahun 2015 bagi menilai semua tender dan sebut harga yang dipelawa secara terbuka.

43. Sejak tahun 2015, sejumlah 467 projek dengan anggaran kos sebanyak RM 3.71 bilion telah dinilai. Hasil daripada pelaksanaan kaedah ini yang dibuat secara telus dan berintegriti, maka sehingga 15 November 2018, Kerajaan Negeri telah merekodkan penjimatan sebanyak RM 510.1 juta.

44. Berkat dari hasil langkah Kerajaan Negeri melaksanakan perbelanjaan secara berhemah inilah yang dipulangkan semula kepada rakyat melalui pelbagai program dan inisiatif.

## **Belanja Mengurus**

45. Daripada jumlah RM 1.28 bilion di bawah peruntukan Belanja Mengurus, sejumlah RM 437.30 juta adalah untuk emolumen dan RM 526.50 juta bagi perkhidmatan dan bekalan. Manakala, RM 221.98 juta disediakan untuk pemberian dan kenaaan bayaran tetap serta RM 8.96 juta untuk pembelian aset dan RM 85.26 juta untuk perbelanjaan lain.

## **Belanja Pembangunan**

46. Belanjawan 2019 mencadangkan peruntukan pembangunan berjumlah RM1.28 bilion atau 50.0 peratus daripada jumlah keseluruhan anggaran belanjawan dengan penekanan 6 Teras Utama belanjawan iaitu infrastruktur, ekonomi, pendidikan, sosial, luar bandar dan kesihatan

47. Kerajaan negeri masih menekankan pembangunan fizikal dengan sebanyak 39.1 peratus dianggarkan untuk menampung perbelanjaan pembangunan infrastruktur iaitu sejumlah RM500.2 juta. Perbelanjaan infrastruktur ini akan mendokong perkembangan ekonomi Negeri Selangor dengan peruntukan sebanyak RM333.8 juta atau 26.1 peratus untuk memacu ekonomi negeri untuk terus berkembang dan mampan pada tahun 2019.

## **D. STRATEGI BELANJAWAN 2019**

48. Untuk menterjemahkan tema ini Merencanakan Ekonomi, Memberdayakan Rakyat dan Mensejahterakan Negeri maka strategi Belanjawan 2019 adalah seperti berikut:

- a. Memacu Pembangunan Ekonomi Negeri.**
  - b. Penjajaran Inisiatif Peduli Rakyat: Dari Pemberian Kepada Pemberdayaan.**
  - c. Agenda Pencerahan Selangor dan Pembangunan Seni-Budaya.**
- d. Melestarikan Alam Sekitar**



**e. Rakyat Bahagia Negeri Sejahtera**

**STRATEGI PERTAMA : MEMACU PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI**

**Gugusan Ekonomi Selangor (Klusterisasi)**

49. Sebagai sebuah negeri yang maju dan berkembang pesat, Negeri Selangor perlu mempunyai ekonomi yang produktif, stabil dan mempunyai nilai tambah di dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. Selain itu, Selangor wajib mempunyai daya saing yang tinggi di peringkat nasional dan global bagi menarik pelaburan domestik dan asing yang berkualiti tinggi. Seterusnya, menjana pertumbuhan ekonomi setempat yang berkualiti bagi menjana pertumbuhan ekonomi negeri yang mampan.

50. Demi untuk terus kekal sebagai sebuah negeri maju tumpuan penekanan pembangunan oleh kerajaan negeri adalah kepada pertumbuhan ekonomi negeri yang pelbagai dan ekonomi berasaskan pengetahuan, peningkatan tahap sosio ekonomi penduduk, pembangunan modal insan, pembangunan perindustrian dan pelancongan serta penyediaan bekalan utiliti yang mencukupi dan efisien.

51. Makanya saya mengutip gesaan ahli ekonomi yang kini sering disebut-sebut di arena wacana ekonomi antarabangsa; Mariana Mazzucato dalam bukunya *The Value of Everything: Making and Taking in The Global Economy*. Bab 9 buku tersebut yang berjudul *The Economics of Hope*, beliau menghuraikan kepentingan untuk menyemak semula maksud Nilai atau *Value* dalam perbahasan serta pemahaman ekonomi.

52. Mazzucato mengkritik dua aliran yang kini berleluasa, pertamanya dari golongan progresif seumpama Labour Party yang sering mencemuh “value creator” seperti ahli perniagaan dan usahawan. Ironinya golongan progresif ini gagal melihat warga pekerja dan kerajaan merupakan entiti utama yang mencipta nilai sekaligus kekayaan.

53. Manakala itu golongan kedua yang dikenali sebagai *value extractor* iaitu mereka yang sering mendabik dada seolah-olah hanya mereka sahajalah mencipta kekayaan dan berupaya mengagihkannya dengan berkesan tanpa cacat cela.

54. Mereka ini sering menuduh kerajaan tidak mencipta kekayaan dan sering gagal mengagihkannya dengan adil dan efektif.

55. Selepas kita mengharungi beberapa krisis ekonomi dalam tempoh satu dekad ini, sewajarnya ia mengilhami kita untuk berfikir secara serius berkenaan persoalan-persoalan dasar serta andaian-andaian lama yang mencorakkan faham ekonomi. Kita seharusnya tahu membezakan di antara mereka yang mencipta nilai serta kekayaan, *Value Creator* dan sekadar Pemerias Nilai, *Value Extractor*.

56. Kita tidak boleh lagi menawarkan penyelesaian runcitan dan juz'i. Kerangka segar yang sejajar dengan semangat dan nafas perubahan Malaysia Baharu mestilah pada pandangan saya berupaya mengenali serta mengiktiraf agen pembangunan kekayaan dan pencipta nilai berbanding golongan pemerias nilai. Selangor harus mengorak langkah melakar dasar-dasar yang mengiktiraf bahawa penciptaan nilai dan kekayaan merupakan suatu usaha kolektif yang bukan sekadar sesuatu syarikat atau entiti korporat.

57. Langkah pertama ke arah **The Reconstruction of Economic Thought** boleh dimulakan hari ini dalam Dewan yang mulia ini. Pencipta-pencipta nilai dan kekayaan; warga pekerja, agensi kerajaan, usahawan kecil dan sederhana, para petani, nelayan, institusi penyelidikan, para akademia dan terutamanya kerajaan negeri mesti dinobatkan secara adil sebagai sebahagian daripada pemegang taruh dalam pembangunan ekonomi negeri ini.

58. Seajar dengan cita-cita tersebut makanya Negeri Selangor mesti terus menjadi tumpuan pelabur dan tenaga kerja. Dengan pertumbuhan penduduk yang relatif tinggi dan taraf hidup yang terus meningkat Selangor perlu menjana aktiviti ekonomi yang mampu menyediakan pekerjaan dan memberikan pendapatan tinggi kepada isi rumahnya (dari purata RM 7,023 tahun 2012 kepada purata RM15,000 tahun 2035).

59. Bagi mengekalkan prestasi Negeri Selangor sebagai pemacu ekonomi negara dan berkembang terus maju, aktiviti ekonomi akan dipelbagaikan melalui penggunaan sumber ekonomi semulajadi yang mampan sama ada yang boleh diperbaharui atau tidak boleh diperbaharui serta memperkenalkan asas ekonomi baru yang inovatif. Kepelbagaian ekonomi ini akan diterjemahkan ke dalam bentuk lokaliti, “spatial” atau faktor *al-amkinah*, bagi mewujudkan pengkhususan aktiviti dan membolehkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan yang bersesuaian secara bersepadu dan efisien.

60. Mahaguru Besar di Harvard Business School, Michael E. Porter, menerusi karyanya *The Competitive Advantage of Nations* telah berjaya mengangkat wacana **Clusterization** sebagai kaedah bagi mempertingkatkan kemampuan ekonomi sesuatu negeri mahupun negara. Pengklusteran atau gugusan yang dimaksudkan ini bukanlah suatu pembangunan wilayah ‘superficial’ atau ‘inorganic’ akan tetapi berteraskan kemampuan serta potensi sedia ada daerah-daerah seluruh Selangor.

61. Pembangunan aktiviti ekonomi ini akan disalurkan ke pusat-pusat pertumbuhan strategik yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan aktiviti ekonomi dan meningkatkan daya saing Selangor sebagai pemacu ekonomi negara.

62. Usaha telah dijalankan untuk mengenalpasti potensi-potensi yang ada di setiap daerah dan wilayah di Selangor ini. Selain itu Jelajah Maju Bersama telah membolehkan saya dan pentadbiran ini memahami dan sekaligus merekayasa kekuatan-kekuatan yang belum, dengan izin, *unleash and unlock* di kawasan-kawasan tersebut.

63. Kerajaan Negeri melalui pelbagai agensi pelaksana di bawahnya sedang mengatur strategi dan usaha bagi memastikan Negeri Selangor terus ke hadapan baik dalam bidang ekonomi, sosial dan alam sekitar. Strategi terbaru yang akan dilaksanakan adalah klusterisasi atau pembangunan gugusan seperti berikut:

- **Gugusan Industri Teknologi Tinggi dan Science Park** (Shah Alam – Subang Jaya – Puchong - Cyberjaya)
- **Gugusan Industri Aeropolis dan Aeroangkasa** (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAS) Subang)
- **Gugusan Industri Automotif dan Industri Sokongan** (Serendah – Sg. Choh - Bukit Beruntung)
- **Gugusan Industri Sokongan Pelabuhan dan Maritim** (Pelabuhan Klang – Pulau Indah – Telok Gong - Sijangkang).
- **Gugusan Industri Terpilih dan Industri Perkhidmatan** (Telok Panglima Garang, Rawang – Kuang dan Bernam Jaya – Lembah Beringin)
- **Gugusan Eko-Pelancongan** (Kuala Selangor, Taman Negeri dan Pesisiran Pantai Morib – Sg. Pelek)
- **Gugusan Perikanan dan Akuakultur** (Kuala Selangor - Sabak)
- **Gugusan Pertanian dan Industri Asas Tani** (Tanjung Karang - Sg. Air Tawar)
- **Gugusan Ekonomi Bandar** (merangkumi 13 Pusat pertumbuhan strategik).
- **Gugusan Pendidikan** (meliputi kawasan Gombak, Serdang dan Hulu Langat).

64. Manakala itu usaha giat akan dilaksanakan untuk menggalakkan ekonomi berasaskan pengetahuan di pusat-pusat pertumbuhan strategik yang merangkumi sektor perkhidmatan seperti sektor perkhidmatan sokongan industri seumpama perkhidmatan logistik berintegrasi, perkhidmatan berteraskan ICT, perkhidmatan perdagangan profesional dan perkhidmatan pengagihan barangan di pusat-pusat pertumbuhan strategik yang telah dikenalpasti.

65. Kerajaan Negeri komited untuk menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi, prasarana fizikal, sosial dan persekitaran yang kondusif bagi menarik dan menyokong aktiviti k-ekonomi negeri di semua daerah.

66. Kerajaan Negeri akan mengawal perancangan dan pembangunan di setiap gugusan atau kluster pembangunan agar tidak bercanggah dengan aktiviti pembangunan yang ditetapkan bagi gugusan berkenaan. Aktiviti industri selain dari yang dikhususkan di sesebuah gugusan perindustrian akan dibenarkan sebagai industri sokongan kepada aktiviti industri utama.

67. Berikut merupakan projek-projek serta dasar yang akan memberi dampak kepada pembangunan berteraskan gugusan-gugusan yang disebut tadi:

68. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM194 juta kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi tahun 2019. Sebanyak RM9.35 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja Membina Jambatan Dan Jejantas.

69. Sebanyak RM44 juta dari RM60.1 juta diperuntukkan pada tahun 2019 untuk menampung kerja-kerja pembinaan jalan baru yang sedang berjalan.

70. Beberapa jalan baru akan mula di bina pada tahun 2019 seperti Jalan Menghubungkan Kampung Sri Indah A Ke Jalan Hospital Sungai Buloh di mana projek akan menjadi jalan alternatif bagi penduduk

dari Kg Sri Indah A untuk ke Hospital Sg Buloh. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM 8 juta bagi membina jalan ini.

71. Membina Jalan Dari Kg Ulu Chuchoh ke KLIA RM 25 juta akan diperuntukkan untuk membina jalan ini.

72. Membina Jalan Sambungan Sg. Kelambu - Genting Sanyen Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM 11 juta untuk membina jalan ini.

73. Selain itu juga Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM116.1 juta bagi memastikan jalan-jalan sedia ada dapat menampung peningkatan aliran trafik semasa dan bagi mengatasi masalah kesesakan di jalan-jalan Negeri:

74. Menaiktaraf Jalan Negeri B 148 Jalan Telok Gong Dari Persimpangan Glenmarie Cove Sehingga Ke Persimpangan Jalan Ikan Tenggiri. Peruntukan untuk membina jalan ini ialah RM 10 juta

75. Jalan Reko Pakej 2 Daerah Hulu Langat. Anggaran peruntukan untuk jalan ini ialah RM 12.3 juta.

76. Pihak Kerajaan Negeri juga meluluskan peruntukan untuk melaksanakan kajian awalan beberapa projek menaiktaraf Jalan di Negeri Selangor yang melibatkan beberapa daerah dengan peruntukan sebanyak RM25.49 juta diperuntukkan untuk Kerja Meningkatkan Aspek Keselamatan Jalan-Jalan Daerah, pemasangan lampu isyarat, lampu jalan serta pembaikan cerun.

77. Gugusan pendidikan pula melibatkan Gombak dan daerah-daerah di Selatan seumpama Sepang dan Hulu Langat. Wilayah ini mempunyai pusat pengajian dan puluhan ribu pelajar. Tidak mustahil kawasan ini nanti dikenali sebagai Boston of Malaysia akan tetapi dalam skala yang lebih besar.

78. Gugusan pendidikan akan menjadi suatu pelantar yang akan menumpukan kepada pemberdayaan golongan belia, kelompok akademik dan warga penyelidik memperolehi akses kepada pembelajaran dan juga penyelidikan sejajar dengan kehendak industri dan jaminan pekerjaan. Maka sejumlah RM87.64 juta atau 6.8 peratus peruntukan untuk memperkasa aspek pendidikan.

79. Di antara program yang bakal dilaksanakan adalah Expo Penyelidikan dan R&D yang akan menghimpunkan serta menampilkan hasil penyelidikan institusi pengajian tinggi yang ada dalam Gugusan Pendidikan tersebut.

80. Dalam masa tiga tahun Kerajaan Negeri merancang untuk memastikan ekspe ini akan berkembang menjadi ekspe penyelidikan tersohor di Asia Tenggara yang mempunyai kerjasama dengan institusi pengajian tinggi seumpama Institut Teknologi Bandung dari Indonesia, Nanyang Institute of Technology dari Singapura dan Mahidol University dari Thailand.

81. Manakala itu untuk memacu potensi pelancongan di Gugusan yang berteraskan pelancongan, peruntukan sebanyak RM5.15 juta akan disalurkan untuk merangsang aktiviti pelancongan di samping menarik minat para pelabur antaranya untuk membina hotel di kawasan-kawasan tersebut.

82. Sebagai tanda kesungguhan Kerajaan Negeri dalam terus memacu industri pelancongan Negeri, Kerajaan Negeri mencadangkan untuk meneruskan kejayaan Program Latihan Hos Komuniti Selangor dengan mengembangkan usaha ini kepada enam (6) buah daerah di mana sebelum ini, tiga (3) buah daerah telah dipilih sebagai projek perintis iaitu di Daerah Klang, Daerah Kuala Selangor dan Daerah Sabak Bernam.

83. Peluasan latihan ini yang akan meliputi kesemua daerah di dalam negeri Selangor dijangka akan memberi peluang pekerjaan kepada hampir 300 orang di kalangan rakyat tempatan untuk menceburi bidang pemandu pelancong di samping bakal menawarkan keunikan pengalaman tempatan kepada pelancong dari dalam dan luar negara.

84. Sebagai persediaan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020, Kerajaan Negeri perlu mempergiatkan lagi aktiviti promosi dalam dan luar negara melalui penyertaan siri promosi serta penganjuran siri jelajah media peringkat antarabangsa. Bagi tujuan itu, dicadangkan satu pesta atau pameran kraf tangan bertaraf antarabangsa dianjurkan bagi mempromosikan hasil produk pengusaha kraf tangan negeri dan pada masa yang sama memberi peluang kepada pengusaha tempatan untuk bertukar pandangan dan idea dengan pengusaha industri kraf tangan luar dan antarabangsa.

85. Bagi tujuan ini sejumlah RM1.65 juta untuk menaiktaraf dan memajukan produk-produk pelancongan Negeri terutama produk berasaskan pelancongan-eko juga akan diberi perhatian dan dinaik taraf bagi kemudahan awam dan keselesaan pengunjung dan pelancong dari dalam dan luar negara dalam memastikan industri pelancongan negeri bersedia untuk menerima kedatangan pengunjung dan pelancong menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020. Produk-produk pelancongan negeri yang terletak di dalam daerah yang mempunyai kekuatan pelancongan-eko ini seperti Daerah Hulu Selangor, Daerah Kuala Selangor dan Daerah Sabak Bernam akan diberikan perhatian dan keutamaan.

86. Pembangunan ini merupakan suntikan utama bagi menjayakan penglibatan rakyat ke dalam ekonomi serta memangkin pertumbuhan ekonomi negeri.

### **Pembangunan Projek Bekalan Air**

87. Bekalan air merupakan elemen penting dalam kehidupan seharian setiap insan dan industri. Menyedari sumber air penting bagi rakyat Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mengadakan kajian khusus untuk memastikan kelangsungan sumber bekalan air jangka masa panjang.

88. Kajian "*Water Resources, Supply, Demand And Distribution Study For Selangor*" merupakan kajian menyeluruh yang mengambil kira faktor pengurangan Air Tidak Berhasil atau *Non Revenue Water* (NRW), pengurangan penggunaan air per kapita, pembinaan dan penambahbaikan loji-loji rawatan air. Kajian ini akan dijadikan sebagai Pelan Induk Pembangunan Sumber Air Negeri Selangor



untuk tempoh sehingga tahun 2065 akan datang. Melalui Pelan Induk ini, kawasan-kawasan pembangunan bekalan air yang telah dirancang boleh dielakkan dari sebarang pembangunan selain bekalan air bagi mengelakkan Kerajaan Negeri terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi bagi tujuan pengambilan balik tanah di masa hadapan.

89. Dalam usaha untuk menjamin kelestarian sumber bekalan air untuk memenuhi permintaan semasa terutamanya bagi pembangunan baru, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM223.35 juta untuk pembangunan infrastruktur bekalan air.

90. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM 130 juta untuk meneruskan pembinaan Loji Rawatan Air Labohan Dagang Fasa 1.

91. Sejumlah RM25 juta akan digunakan untuk membiayai pembangunan Projek Labohan Dagang Fasa 2 dan bagi menyediakan kajian terperinci untuk Pembangunan Loji Rawatan Air Sungai Rasau.

92. Pembangunan Labohan Dagang Fasa 2 berupaya untuk mengeluarkan sebanyak 200 JLH air terawat dan dengan siapnya keseluruhan sistem Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang Fasa 1 dan Fasa 2, jumlah air terawat yang boleh dibekalkan ke kawasan Daerah Kuala Langat dan sekitarnya adalah sebanyak 400 Juta Liter Air Sehari (JLH).

### **Pembangunan Pesisir Sungai**

93. Kerajaan Negeri melihat Sungai Klang sejauh 120 km yang mengalir melalui bandar – bandar utama di Selangor bermula di kawasan Ampang, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan seterusnya Bandar DiRaja Klang adalah merupakan “*the engine of growth*” yang bukan sahaja menjadi penyumbang utama ekonomi kepada Negeri Selangor bahkan kepada Malaysia.

94. Menyedari hakikat itu, Kerajaan Negeri bertekad untuk melonjakkan lagi pertumbuhan ekonomi di bandar – bandar di sepanjang Sungai Klang dan menjadikan kawasan tersebut sebagai “*Smart Central Economic Region*”.

95. Bagi melaksanakan tekad tersebut, Kerajaan Negeri pada Mac 2018 telah meluluskan Pelan Induk Pembangunan Sungai Klang yang dikenali sebagai “*Selangor Maritime Gateway (SMG)*” dan melantik anak syarikat milik penuh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) iaitu Landasan Lumayan Sdn Bhd sebagai pelaksana projek.

### **Industri Aeroangkasa**

96. Belanjawan Persekutuan untuk tahun 2019 yang dibentangkan, Menteri Kewangan telah menyebut bahawa pihak Khazanah akan membangunkan tanah seluas 80 ekar di Subang sebagai hab aeroangkasa.

97. Pembangunan ini pastinya menguntungkan rakyat Negeri Selangor malahan selari pula dengan dasar-dasar Kerajaan Negeri Selangor yang berhasrat untuk menjadi tiga (3) hab aeroangkasa terbaik dunia dalam usaha menarik pelaburan langsung asing (FDI). Sehubungan dengan itu pihak Kerajaan Negeri khususnya melalui Invest Selangor Berhad terus giat menjalinkan kerjasama erat dengan pemain industri antarabangsa bagi merealisasikan hasrat itu termasuklah dengan pihak Khazanah Nasional.

98. Pembangunan di dalam industri ini pada masa akan datang akan didorong oleh ekosistem padu yang sudah tersedia untuk dimanfaatkan oleh penggiat aeroangkasa. Pembangunan itu termasuk taman pengeluaran logam aeroangkasa di Serendah dan Subang; Subang Nexus serta Sepang, yang dikenali sebagai Aeropolis Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

99. Pihak Kerajaan Negeri Selangor turut mengunjurkan sejumlah RM750 juta dapat dijana menerusi industri aeroangkasa sebaik kilang UMW di Serendah siap sepenuhnya.

## Halal International Selangor

100. Industri Halal merupakan salah satu pemangkin bagi memacu ekonomi di Negeri Selangor. Halal Selangor mempunyai potensi besar untuk memanfaatkan perkembangan industri halal global dan serantau. Pertumbuhan ekonomi negeri melalui strategi memperkasakan ekosistem halal sedia ada khususnya Pensijilan Halal Negeri Selangor dapat membuka kepada pasaran yang besar.

101. Bagi memartabatkan Halal Selangor, JAIS telah bekerjasama dengan Invest Selangor sedang membangunkan *Selangor Halal Industry Action Plan (SELHAP)* bagi menjana pembangunan industri halal negeri Selangor. Dalam masa dua tahun lagi Selangor akan menjadi negeri pengeluar bahan ramuan halal untuk produk-produk kosmetik dan farmaseutikal.

102. Justeru pada tahun 2019, JAIS akan menganjurkan Festival Halal Selangor. Acara ini merupakan program dwi tahunan JAIS bertujuan untuk mempromosikan syarikat pemegang Sijil Pengesahan Halal Selangor sekali gus memperkenalkan hasil produk industri dari Negeri Selangor.

103. Ekosistem halal turut merangkumi pemantauan dan penguatkuasaan, pewujudan Gudang Exhibit JAIS diyakini akan memperkasakan lagi Halal Negeri Selangor kerana tiada kompromi bagi industri yang melanggar peraturan dan prosedur dalam pensijilan halal.

104. Program *Halal Technical Competent Person* yang diwujudkan pada tahun 2017 di bawah Invest Selangor telah melatih seramai 380 orang dan sebanyak 55 syarikat dari segi latihan nilai tambah bagi mengukuhkan pemahaman dan kemahiran dalam bidang Halal. Bagi tahun 2019, peruntukan belanjawan berjumlah RM1.5 juta telahpun dikenalpasti bagi meneruskan program-program Halal International Selangor ini.

## **2nd Selangor International Business Summit (SIBS)**

105. SIBS merangkumi tiga segmen utama iaitu Selangor International Expo, Selangor-ASEAN Business Conference dan Selangor Smart City and Digital Economy Convention. Program-program tersebut telah diadakan dengan jayanya pada 6 hingga 16 September 2018 yang lalu.

106. Selangor International Business Summit 2018 telah berjaya menarik 25,981 orang pengunjung berbanding 16,694 pengunjung pada tahun 2017. Acara tahunan anjuran Invest Selangor ini berjaya mencatatkan transaksi bernilai RM 194.6 juta.

107. Di atas kejayaan penganjuran ini, Kerajaan Negeri akan meneruskan SIBS pada tahun 2019 dengan peruntukan sebanyak RM9 juta dalam usaha untuk mempromosikan dan mengukuhkan Negeri Selangor sebagai hab perdagangan.

108. Program ini dapat memberi peluang kepada pengusaha tempatan untuk meneroka pasaran luar negara serta mewujudkan komuniti perdagangan antara Selangor dan Negara-Negara luar serta menjadikan Selangor sebagai destinasi pelaburan serta hab perdagangan bagi rantau ASEAN. Bagi tahun 2019, Selangor International Business Summit haruslah menjadi platform untuk memperkenalkan dan mengembangkan Gugusan-Gugusan Ekonomi Selangor yang dinyatakan tadi.

### **Misi Promosi Pelaburan ke Luar Negara**

109. Bagi menggalakkan pertumbuhan sektor pelaburan, Kerajaan Negeri melalui agensi penggalakkan pelaburan negeri, Invest Selangor akan meneruskan agenda dan perancangan bagi mempromosikan Negeri Selangor dengan lebih giat lagi dengan peruntukan berjumlah RM2.15 juta. Program-program promosi dan misi pelaburan ke luar negara akan diteruskan dengan fokus kepada negara – negara yang berpotensi untuk melabur di Negeri Selangor.

110. Salah satu langkah adalah dengan menyertai pameran-pameran antarabangsa bagi tujuan 'awareness and to position' seperti Singapore Airshow, Farnborough International Airshow, Malaysia-China Entrepreneur Conference, MIHAS, Gulfood Dubai, Naning Expo dan S.I.A.L Jakarta (Indonesia).

### **Program Keusahawanan Mikro dan Blueprint Pembasmian Kemiskinan**

111. Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan berjumlah RM 2 juta bagi tujuan produk-produk usahawan di bawah Blueprint Pembasmian Kemiskinan Program Usahawan ini akan dikomersialkan dengan kolaborasi bersama SITEC di bawah Invest Selangor Berhad dalam membangunkan platform perniagaan di atas talian seumpama Alibaba kepada usahawan-usahawan di Negeri Selangor.

112. Kerajaan Negeri sentiasa memperkukuh serta menambahbaik pelaksanaan program-program keusahawanan di Negeri Selangor. Fokus utama Kerajaan Negeri adalah untuk memberdayakan usahawan-usahawan kecil dan mikro supaya mereka berdaya saing dan bersedia untuk menghadapi cabaran Industri 4.0 dan sejumlah RM6.35 juta untuk memperkasa program pembangunan usahawan.

113. Pendekatan ini merupakan inisiatif baharu dan julung – julung kali bakal dilaksanakan di peringkat negeri bagi mengembangkan perniagaan usahawan secara drastik dari segi penambahan pendapatan perniagaan serta di dalam masa yang sama ianya turut merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan Program Pembungkusan Produk Made In Selangor dengan peruntukan berjumlah RM550,000.00 setahun untuk 130 orang usahawan sedia ada yang mempunyai kapasiti pengeluaran produk secara berterusan. Mereka akan mendapat bantuan untuk meningkatkan kualiti rekabentuk pembungkusan produk. Ini kerana tanpa pembungkusan yang menarik dan berkualiti, sesuatu produk keusahawanan tidak akan berjaya dipasarkan.

114. Pada tahun 2017 program anjuran Kerajaan Negeri Selangor ini telah membantu 19 orang usahawan meningkatkan hasil jualan mereka di mana seramai 8 orang usahawan telah berjaya meningkatkan hasil jualan sehingga 100 peratus manakala bakinya berjaya meningkatkan hasil jualan sekurang-kurangnya sehingga 50 peratus.

## **Hijrah**

115. Semenjak penubuhannya, Yayasan Hijrah Selangor telah menerima sejumlah RM 186 juta dana pembiayaan daripada Kerajaan Negeri. Daripada jumlah ini, sebanyak RM31 juta digunakan untuk program “Zero to Hero” yang berteraskan kepada konsep pemantauan “Mentor-Mentee”. Sejumlah RM 5 juta adalah peruntukan dana khas bagi melaksanakan program kepada golongan sasaran OKU dan juga Ibu tunggal.

116. Pada suku ketiga tahun 2018, Hijrah Selangor telah menyalurkan modal pinjaman kepada seramai 54,609 usahawan dengan nilai pinjaman berjumlah RM405.47 juta. Daripada dana peruntukan RM185 juta, Hijrah telah berjaya menyalurkan gandaan pinjaman kepada RM405.47 juta.

117. Dengan kadar bayaran balik pinjaman melebihi 80%, Hijrah berjaya menjana dana pusingan untuk menambahkan lagi jumlah pinjaman dan seterusnya menambahkan bilangan usahawan baru.

118. Tambahan pula, rekod prestasi juga menunjukkan seramai 10,120 orang usahawan dengan nilai pinjaman RM 188.55 juta berjaya dijana melalui pembiayaan modal pusingan pinjaman kali kedua dan ketiga. Ini bermakna program Hijrah adalah mampan dan feasible.

119. Oleh kerana sambutan yang cukup menggalakkan kepada program Hijrah, maka Yayasan Hijrah sedang merancang melaksanakan produk-produk baharu di samping memantapkan lagi program “Zero to Hero”. Tiga (3) lagi produk yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun hadapan iaitu

Pinjaman Bermusim, Program Inkubator dan Program Smart Partnership. Pelaksanaan program-program ini memerlukan dana tambahan dari Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Negeri mencadangkan dana pinjaman sebanyak RM25 juta.

120. Pelaksanaan program-program ini memerlukan kerjasama yang baik dari pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan pihak swasta dan lain-lain organisasi.

## **Pertanian**

121. Sektor pertanian di Selangor merekodkan nilai ditambah berjumlah RM3.99 bilion pada tahun 2017. Nilai tersebut meningkat berbanding RM3.52 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor ini menyumbang 1.5 peratus kepada keseluruhan KDNK pada tahun 2017. Sektor Pertanian bertumbuh pada kadar yang memberangsangkan kepada 13.1 peratus berbanding prestasi negatif 6.4 peratus pada tahun 2016.

122. Bagi tujuan pertanian, sejumlah RM21.44 juta iaitu sejumlah RM15.79 juta kepada Jabatan Pertanian dan sejumlah RM5.65 juta di bawah UPEN. Fokus utama Kerajaan Negeri di dalam sektor pertanian pada tahun 2019 adalah untuk membuka lebih banyak kawasan-kawasan pertanian yang berteraskan kepada konsep Tanaman Berpenghasilan Tinggi (high yield crop) iaitu dengan mengoptimumkan kawasan kecil bagi penghasilan yang tinggi melalui penggunaan teknologi moden dan seterusnya meningkatkan pendapatan.

123. Dasar ini adalah selari dengan trend pertanian pada ketika ini yang memfokuskan ke arah Revolusi Pertanian 4.0 atau Agriculture Revolution 4.0 (AR 4.0), di mana penekanan diberikan kepada aplikasi inovasi teknologi pertanian seperti penggunaan peralatan berteknologi tinggi, sensori, robotik, GPS dan teknologi maklumat (IT). Untuk merealisasikan hasrat tersebut, sejumlah RM800 ribu peruntukan disediakan untuk penggunaan teknologi dan R&D.

124. Ianya juga mengarah kepada penggunaan konsep Precision Agriculture (pertanian tepat) sebagai contoh penggunaan jumlah air dan baja yang sedikit mengikut keperluan tanaman yang sebenarnya tetapi dalam masa yang sama kualiti dan jumlah pengeluaran hasil adalah lebih tinggi.

125. Kerajaan Negeri telah memulakan kaedah AR 4.0 di dalam projek penanaman fertigasi melon seperti golden melon yang mempunyai nilai harga jualan yang tinggi. Pada masa yang sama ianya memberikan penumpuan kepada kaedah pertanian yang tepat atau Precision Agriculture bermula dari awal tanaman sehinggalah kepada tuaian hasil.

126. Di samping itu juga, melalui kaedah penanaman fertigasi tersebut, penggunaan air, elektrik dan juga baja dapat dijimatkan namun ianya tetap boleh menghasilkan produk segar yang berkualiti tinggi dan mengikut kehendak pasaran termasuk dari segi saiz, kerangupan dan juga tahap kemanisan (brix).

127. Bagi mengurangkan kos makanan ternakan, satu program penanaman rumput HBG (High Bio-Conversion Grass) iaitu sejenis tumbuhan yang mempunyai kadar protein yang tinggi akan dimulakan. Kos makanan ternakan boleh mencecah sehingga 75% daripada keseluruhan kos. Sekiranya program ini berjalan lancar kos makanan ternakan ruminan khususnya, boleh dikurangkan sehingga 30%. dan dengan penurunan kos makanan ternakan, diharapkan harga jualan daging ternakan dapat dikurangkan secara berperingkat.

128. Pada ketika ini, negara kita mengimport lebih kurang 20,000 tan metrik daging kambing sejuk beku atau 1.5 juta ekor kambing pada setiap tahun. Dari jumlah tersebut, 90% adalah merupakan daging biri-biri manakala 10% lagi merupakan daging kambing (feral goat) yang diimport dari Australia.

129. Menyedari perkara tersebut, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar menyediakan peruntukan berjumlah RM6.458 juta akan melaksanakan projek penternakan biri-biri pedaging atau Program Agrotek (Ternakan) menggunakan baka Black Belly Barbadosse yang mempunyai tahap ketahanan rintangan penyakit yang tinggi selain mudah membiak. Konsep pelaksanaan projek tersebut adalah dengan melibatkan masyarakat luar bandar yang berminat untuk



membela kambing tersebut dan dalam masa yang sama mereka akan diberikan tunjuk ajar oleh mentor yang berkemahiran dan berpengalaman.

130. Selain dari itu juga, program-program bagi meningkatkan pengeluaran daging atau sumber protein akan terus diperkasakan di mana bantuan-bantuan berbentuk peralatan dan ternakan turut disediakan di bawah Pembangunan Komoditi Ternakan Ruminan, Pembangunan Komoditi Ternakan Unggas Dan Bukan Unggas serta Pembangunan Industri Asas Ternak.

131. Kerajaan Negeri juga akan memperluaskan kawasan pengeluaran nanas MD2 di Negeri Selangor. Nanas MD2 ini adalah merupakan variasi nanas yang boleh memberikan pulangan yang tinggi kepada penanam di mana permintaan yang tinggi bagi nanas MD2 di pasaran menjadikan ianya antara tanaman yang boleh menjana pendapatan yang lumayan kepada pekebun. Pada ketika ini, Daerah Kuala Langat dan Sabak Bernam telah dikenalpasti untuk projek penanaman nanas MD2. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM 1 juta untuk tahun 2019.

132. Negeri Selangor mempunyai kawasan sawah padi seluas 18,899 hektar dengan jumlah pesawah seramai 9,119 orang. Di dalam usaha untuk meningkatkan hasil dan pendapatan golongan pesawah, sejumlah RM2.2 juta dicadangkan pada tahun 2019 untuk program pembangunan industri padi dengan penumpuan di Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor.

133. Satu projek khas yang bertujuan untuk mengembalikan tahap kesuburan tanah dengan pendekatan penggunaan baja-baja organik dan input-input pertanian yang lebih mesra alam telah mula dilaksanakan tanpa meminggirkan seratus peratus penggunaan baja dan racun atau dengan maksud lain, penggunaan input-input pertanian yang berasaskan kimia secara minima. Program tersebut akan melibatkan kawasan seluas lebih kurang 369 hektar di Daerah Sabak Bernam dan seterusnya di Kuala Selangor.

## **Industri Bioteknologi**

134. Bioteknologi adalah merupakan satu industri lain yang telah dikenal pasti dan diberikan tumpuan oleh pihak kerajaan negeri. Statistik terkini yang telah dikeluarkan oleh Bio Economy Corporation menunjukkan terdapat sejumlah 94 buah syarikat berstatus Bio Nexus beroperasi di Negeri Selangor dan ianya menyumbang sejumlah RM1.19 bilion kepada ekonomi.

135. Pihak Kerajaan Negeri telah mengenalpasti potensi industri ini di masa hadapan, sehubungan dengan itu juga pihak Central Spectrum Sdn Bhd telah diberi mandat untuk menyediakan tapak khusus bagi industri ini. Central Spectrum Sdn Bhd secara rasminya telah melancarkan Taman Bioteknologi pertama di Negeri Selangor iaitu - Bio Bay Selangor, yang terletak di Pulau Indah, Selangor. Semestinya, ini akan menjadikan ekosistem bagi industri Bio Teknologi di Negeri Selangor ini lebih lengkap dan ianya menjadi satu tarikan bagi pelabur dari dalam dan luar negara.

136. Kelebihan sedia ada dan serta input yang diterima dari Pelan Tindakan Hala Tuju Industri Halal Negeri Selangor 2018 adalah kebanyakan syarikat Bioteknologi Global melihat Status Halal sebagai satu nilai tambah yang mampu memberikan kelebihan buat mereka.

137. Bagi tahun 2019, pihak Invest Selangor juga berhasrat untuk mengadakan satu kajian ataupun "Road Map" khusus bagi industri bioteknologi ini. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM 610,000 di bawah UPEN bagi pelaksanaan Road Map ini.

## **Ekonomi Digital**

### **Selangor Wide Area Network (SWAN)**

138. Dengan pertumbuhan pesat teknologi Big Data, IoT (Internet of Things) dan pelbagai aplikasi dan sistem Smart Selangor yang sedang dan akan dibangunkan dalam beberapa tahun di hadapan,

maka Kerajaan Negeri Selangor di dalam perancangan membangunkan satu jaringan yang sepadu dan menyeluruh atau Selangor Wide Area Network (SWAN) merupakan Jaringan Jalur Lebar (Broadband) Berkelajuan Tinggi Gigabit untuk menghubungkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dengan semua agensi, jabatan dan pejabat seperti Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Bagi tujuan tersebut, sejumlah RM1.5 juta telah diperuntukkan.

139. Buat masa ini, tidak ada satu jaringan yang sedemikian (Contohnya Antara SUK Dan PBT) dan kekangan ini akan menjejaskan pelaksanaan integrasi sistem dan Open Government yang disasarkan oleh Kerajaan Negeri. SWAN membolehkan satu jaringan bersepadu bagi memenuhi keperluan rangkaian dan integrasi antara SUK dan Jabatan/Agensi Kerajaan dan PBT serta juga akan dapat mendukung keperluan Data Raya Kerajaan Negeri Selangor.

140. Jaringan ini dijangka mempunyai kelajuan dan kapasiti tinggi untuk memenuhi keperluan semua Inisiatif Smart Selangor seperti Open Government untuk jangka masa 5 hingga 7 Tahun ke hadapan. Selain SWAN, program pembangunan dan pemantapan infrastruktur ICT diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM7.6 juta termasuk pembangunan sistem Landbank Library System Fasa II yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

### **Smart Selangor**

141. Iltizam Kerajaan Negeri untuk membangunkan Smart Selangor semenjak tahun 2016 telahpun menunjukkan bibit-bibit kejayaan yang amat membanggakan dan wajar diteruskan sehingga 2025. Proses pelaporan dan penurapan jalan berlubang telah pun menunjukkan peningkatan kecekapan operasi pada kadar 80% secara purata untuk kesemua PBT manakala 4 PBT telah menunjukkan kecekapan lebih daripada 90% dengan sejumlah 8925 laporan sah yang telah diselesaikan semenjak bulan Februari 2017 sehingga Julai 2018.

142. Aplikasi Selangor Intelligent Transport System (SiTS) yang memaklumkan waktu ketibaan Bas Smart Selangor di setiap perhentian Bas Smart Selangor telahpun digunapakai oleh sekurang-

kurangnya 75,000 pengguna semenjak diperkenalkan setahun yang lalu manakala WiFi Smart Selangor dengan 3250 *access points* seluruh Selangor telahpun mempunyai 1.27 juta pengguna berdaftar.

143. Sistem pembayaran parkir dan kompaun parkir dalam talian, Smart Selangor Parking yang menyatukan 6 PBT telah diperkenalkan semenjak 1 Jun 2018 telah mencatatkan sejumlah 68,000 pengguna dan 636,800 transaksi parkir sehingga kini.

144. Bagi mencapai gagasan Smart State pada tahun 2025, program Smart Selangor akan diteruskan pada tahun 2019 dengan pembangunan solusi pintar oleh pihak Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) yang bermatlamat menyatukan perkhidmatan awam di antara PBT dan jabatan-jabatan kerajaan negeri, meningkatkan mutu pemantauan keselamatan awam dan meningkatkan mutu infrastruktur digital kerajaan negeri.

145. Kesemuanya ini adalah asas-asas penting yang harus dibangunkan untuk memastikan pertambahan produktiviti rakyat dan juga ke arah kehidupan yang lebih berkualiti.

146. Untuk tahun 2019 sejumlah RM10 juta diperuntukkan kepada SSDU untuk membangunkan perkara-perkara berikut: Pertama, penyatuan beberapa perkhidmatan awam yang akan memudahkan rakyat menerusi aplikasi mobile. Sejumlah RM1 juta untuk pengembangan sistem pembayaran parkir menerusi telefon bimbit, Smart Selangor Parking (SSP), ke seluruh Selangor termasuk pembangunan beberapa lokasi smart indoor parking yang membolehkan pemandu mengetahui lokasi tapak parkir yang kosong; sejumlah RM500 ribu untuk pembangunan sistem Smart CCTV bersama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk memantau keselamatan awam menggunakan infrastruktur Bas Smart Selangor dengan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk projek Smart Selangor Bus Stop dan projek Smart Streetlamp di mana tiang-tiang lampu PBT akan dinaiktaraf.

147. Kedua, RM1.5 juta diperuntukkan untuk pembangunan jaringan internet berkelajuan Gigabit (atau 1 gigabit per second) dan Pusat Data yang akan menghubungkan pejabat setiausaha kerajaan negeri dengan beberapa PBT serta pejabat daerah.

148. Pembangunan ini akan mengupayakan jaringan internet di kesemua ibupejabat Majlis Daerah yang juga akan mengupayakan WiFi percuma berasaskan model baru di kawasan-kawasan berhampiran. Peruntukan RM 1 juta akan diberi bagi tujuan analisa Big Data oleh SSDU.

### **Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (IPR)**

149. Kerajaan Negeri sejak 2008 telah menyediakan 42 program jaringan keselamatan sosial yang dikenali sebagai Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) untuk dimanfaatkan bersama oleh pelbagai golongan masyarakat di Selangor.

150. Menyedari kepentingan penyaluran maklumat IPR ini kepada rakyat, Kerajaan Negeri pada tahun 2019 akan memperkenalkan sebuah gerbang kebajikan informasi yang dikenali sebagai Sistem Smart IPR untuk dimanfaatkan bukan sahaja oleh masyarakat di Selangor malah sistem ini membantu dalam pengurusan dan pemantauan maklumat serta data keseluruhan IPR untuk Kerajaan Negeri.

151. Melalui Sistem Smart IPR ini, kesemua 42 program-program di bawah IPR akan dikategorikan kepada 6 kluster yang akan disatukan di bawah satu gerbang informasi bagi membolehkan rakyat mendapatkan maklumat dan mendaftar secara online pada inisiatif yang layak dimohon dengan lebih mudah.

152. Sistem ini secara tidak langsung menzahirkan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam memberikan kemudahan hanya yang terbaik dan kemudahcapaian untuk rakyat Selangor kepada gerbang kebajikan yang ada di Selangor secara keseluruhan dalam memastikan agenda pembangunan negeri

dapat direalisasikan tanpa membebankan rakyat. Sejumlah RM 3 juta akan diperuntukkan untuk maksud ini.

#### **IR 4.0**

153. Bagi meneruskan agenda pembangunan kemahiran aras tinggi selaras dengan cabaran revolusi industri 4.0, Kerajaan Negeri akan meneruskan kerjasama strategik dengan Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) dalam memberdaya anak tempatan khususnya warga Selangor. SHRDC akan terus memainkan peranan utama dalam Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) pada tahun 2019 dan bertindak sebagai penyelaras konsep Smart Selangor Apprenticeship Centre yang bakal menjadi penanda aras kerjasama kerajaan, akademia dan sektor industri dalam membangunkan tenaga manusia negara.

154. Pelbagai usaha sedang rancak dilaksanakan bagi memastikan negeri Selangor menjadi hab kemahiran tinggi negara dan rantau ASEAN. Dengan pelancaran Malaysian Smart Factory (atau MSF4.0) baru-baru ini, SHRDC akan memainkan peranan dalam memacu perkembangan kilang pintar di Selangor.

155. Dengan kerjasama strategik bersama Swiss Smart Factory di Biel Innovation centre, SHRDC akan menghasilkan para jurutera, juruteknik serta pekerja mahir industri masa hadapan yang memungkinkan sektor perkilangan di Selangor ini beralih dari kebergantungan kepada tenaga kerja asing kepada penggunaan sistem automasi. Usaha ini selaras dengan cabaran mewujudkan bidang pekerjaan yang belum ada – *“to be a generation of creators”* di kalangan belia dan warga industri di Selangor.

## **Meluaskan Pembangunan Infrastruktur Digital**

156. Untuk merealisasikan aspirasi negara dalam Infrastruktur Digital dan Industri 4.0, Kerajaan Negeri akan bergerak seiring dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk memajukan dan melaksanakan program-program yang berkaitan dengan ekosistem digital dan jalur lebar.

157. Tumpuan akan dijuruskan kepada penyediaan infrastruktur fiber optik dan lain-lain teknologi yang membolehkan kecapaian Gigabytes merangkumi seluruh kawasan berpenduduk dan industri di Negeri Selangor ini terutama 4 daerah yang berpotensi untuk pembangunan ekonomi iaitu Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor di Gugusan utara dan Kuala Langat di Gugusan Selatan. Kawasan-kawasan seumpama Felda Soeharto, Felda Sungai Tengi, Parit 10, Kalumpang dan lain-lain lokasi nanti akan menikmati perkhidmatan jalur lebar sehingga 1 gigabyte per saat.

158. Hasrat ini akan direalisasikan dengan kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dan Telekom Malaysia untuk meneroka potensi dana USP (Universal Service Provider Fund) dan diagihkan pelaksanaannya terutama sekali untuk penduduk luar bandar di negeri ini.

159. Kerajaan Negeri melihat NFCP (National Fibreisation Connectivity Plan) yang dibentangkan dalam Belanjawan Kerajaan Pusat pada 2 November lepas sebagai langkah terbaik untuk Negeri Selangor mendapatkan sedikit dana untuk memajukan infrastruktur telekomunikasi bagi tujuan memperkasakan kawasan-kawasan industri strategik di Negeri ini.

160. Dengan adanya infrastruktur telekomunikasi yang mantap dan berdaya saing, rakyat Negeri ini boleh menikmati banyak kemudahan yang melibatkan penggunaan jalur lebar berkelajuan tinggi dan membolehkan juga para pengusaha industri untuk berdaya saing di peringkat global terutama dalam "Manufacturing 4.0" dan IOT.

161. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan Telekom Malaysia bagi memastikan keseluruhan rakyat Negeri Selangor dapat menerima manfaat jalur lebar terutama sekali untuk penduduk luar bandar di negeri ini.

### **Pembangunan Modal Insan**

162. Pembangunan Pendidikan Tinggi memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan modal insan di Negeri Selangor dapat melahirkan tenaga manusia yang berkualiti dan berdaya saing. Program IKTISASS telah bermula pada tahun 2018 dan pada tahun 2019 Kerajaan Negeri akan meneruskan program ini dengan memberi fokus kepada pemerksaan dan kebolehpasaran graduan bagi memenuhi keperluan industri di Negeri Selangor. Melalui program pemerksaan mahasiswa pelbagai program telah dirancang bagi melahirkan golongan mahasiswa yang cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiah diri.

163. Bagi memastikan kesinambungan pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor, inisiatif memperkasakan sumber tenaga manusia mestilah dilakukan dengan komprehensif dan efisien. Usaha mempersiapkan sumber tenaga manusia yang seiring dengan keperluan industri serta dapat menarik pelabur ke Negeri Selangor harus dilakukan dengan terancang.

164. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM25 juta pada tahun 2019 untuk mendukung aspirasi tenaga kerja ini dengan beberapa institusi penyedia latihan kemahiran

165. Dengan Pelaksanaan Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) kerajaan negeri sedang menyediakan satu Pelan Tindakan Industri 4.0 Negeri Selangor yang mengambil pandangan daripada Industri, Institusi Pendidikan, Badan Bukan Kerajaan dan lain-lain bagi memastikan satu kerangka yang holistik yang merangkumi bidang kemudahan pengangkutan termasuk aerospace, bioteknologi, Elektrik dan Elektronik, industri makanan, dan perindustrian dalam melatih sumber tenaga manusia yang seiring dengan keperluan industri seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing.



166. Oleh itu, melalui program IKTISASS ia dapat meningkatkan kebolehpasaran dan secara langsung dapat menangani isu pengangguran di kalangan graduan dan golongan belia. Pelbagai mekanisme telah dirancang bagi mencapai hasrat tersebut antaranya menjalin hubungan secara langsung dengan industri atau Smart Partnership.

167. Bagi meneruskan kesinambungan dalam meningkatkan kebolehpasaran tenaga manusia sejajar dengan kebangkitan industri 4.0, INPENS International College terus komited dalam menyediakan akses bagi program TVET yang berkualiti dan diiktiraf melalui penawaran program yang relevan dan responsif dengan keperluan industri. Matlamat utama yang ingin dicapai adalah melahirkan graduan yang holistik, berkualiti dan bersifat *industry ready* selain terus melestari institusi TVET yang kondusif.

168. INPENS melihat pendedahan industri hasil kolaborasi dengan pemain industri dari setiap bidang yang didorong oleh industri dapat memperkukuhkan lagi kematangan dan profesionalisme graduan yang dihasilkan. Jalinan industri bersama Perodua, Yamaha dan Daikin melibatkan bidang Automotif, Motosikal dan Penyaman Udara dilihat berpotensi besar sebagai pemangkin kebolehpasaran graduan bersifat *industry ready*.

169. Oleh yang demikian, dalam merencanakan lagi industri 4.0 Kerajaan Negeri akan menaungi INPENS International College di bawah Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan IKTISASS sebagai usaha untuk menjadikan negeri Selangor sebagai hab TVET berkemahiran tinggi secara holistik. Dengan usaha ini diyakini pembangunan modal insan berkemahiran tinggi, berproduktiviti dan berkualiti dalam semua sektor dapat diutamakan sejajar dengan aspirasi Kerajaan Negeri dalam menjadikan Selangor sebagai hab kemahiran tinggi utama negara.

**STRATEGI KEDUA : PENJAJARAN INISIATIF PEDULI RAKYAT DARI PEMBERIAN KEPADA PEMBERDAYAAN**

170. Negeri Selangor komited untuk meneruskan dasar-dasar peduli rakyat demi memastikan kebajikan rakyat negeri ini dibela serta memenuhi tuntutan Reformasi yang sejak dari mula mahukan wawasan “shared prosperity” itu diterapkan ke dalam gagasan pembangunan negara mahupun negeri.

171. Manakala itu sebagaimana yang diucapkan YAB Perdana Menteri ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke 11, 2016-2020: “pembangunan dalam erti kata yang sebenar perlu menyumbang kepada pembangunan Bangsa Malaysia”, justeru Negeri Selangor juga mahu ikut serta terlibat dalam pelaksanaan cita-cita yang murni ini. Suatu cita-cita untuk merapatkan jurang di antara yang miskin dengan yang kaya serta memastikan tiada yang tertinggal dari arus perdana pembangunan.

172. Semenjak dari 2008 lagi dengan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor, kemudiannya pula dengan agenda Inisiatif Peduli Rakyat, Kerajaan Negeri menzahirkan keazaman serta bersungguh-sungguh menjayakan suatu program ekonomi kebajikan yang menjurus kepada welfare state.

173. Pengalaman saya yang bermula pada tahun 2008 sebagai Ahli Dewan Negeri dan menjawat jawatan sebagai Pembantu Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ketika itu, kemudiannya bermula pada tahun 2014, diberi kesempatan memikul amanah sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri membolehkan saya terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor dan Inisiatif Peduli Rakyat.

174. Satu kajian impak dengan penggunaan *structural equation model* ke atas penerima IPR telah dilakukan baru-baru ini. Kajian ini fokus kepada penerima IPR sahaja bagi memastikan nilai kebolehpercayaan kajian adalah tinggi. Hasil kajian menemui dua segmen penting iaitu;

175. Pertama, terdapat keluhan dari rakyat (penerima IPR) yang amat risau program IPR tidak akan diteruskan dan dengan pertukaran pengurusan baru kerajaan, mereka juga merasakan ia mungkin dibatalkan serta berpendapat bahawa program IPR ini adalah program jangka pendek.

176. Antara yang menjadi kerisauan rakyat ialah; Hijrah Selangor, Program Dialisis, Program Tuisyen Rakyat dan Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor di mana rakyat amat risau ianya tidak akan diteruskan.

177. Sukacita dimaklumkan di sini, program IPR adalah program jangka panjang kerajaan yang bertujuan untuk membantu rakyat dan seterusnya kerajaan akan berusaha untuk memberdayakan rakyat sebagai matlamat akhir kerajaan.

178. Dari hasil kajian tersebut juga didapati penerima IPR amat bermotivasi serta memberi impak yang amat positif. Di sebalik itu, mereka berpendapat ia belum menukar secara jelas taraf kehidupan mereka dari status asal walaupun ia amat membantu mereka. Sehubungan dengan itu, pensejajaran program IPR bagi 2019 adalah perlu demi memastikan keberdayaan rakyat dapat dicapai dan bukan sekadar membantu dengan melepas batuk ditangga. Dengan penjajaran semula IPR, program ini akan lebih memberi fokus kepada golongan sasaran yang memerlukan dan bukan di beri secara purata sahaja. Dengan erti kata lain, pelaksanaan program ini akan lebih strategik dan memberi impak yang lebih kepada golongan sasaran iaitu B40.

179. Kedua, dari hasil kajian itu juga terdapat tiga (3) komponen IPR menjadi perkara utama kepada rakyat iaitu Air Percuma, Skim Peduli Sihat dan Bantuan Am Kebajikan. Ketiga-tiga program IPR ini berjaya memberikan impak yang tinggi kepada rakyat selain dari inisiatif bas Smart Selangor, Kasih Ibu Smart Selangor (KISS), Program Tuisyen Rakyat, Insentif Perkahwinan Belia, Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Skim Bantuan Tadika Selangor dan lain lain.

180. Oleh itu, ketiga-tiga program tadi akan dilakukan penjajaran semula secara strategik agar program tersebut lebih fokus kepada golongan sasaran bagi memaksimumkan impak kepada rakyat.

181. Bagi tahun 2019, agenda pelaksanaan program-program IPR diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan (empowerment) kepada para penerima manfaat IPR di Selangor.

182. Oleh itu, sudah tiba masanya Negeri Selangor, mengorak langkah ke suatu paradigma yang baharu sejajar dengan cita-cita untuk menjamin kebajikan rakyat negeri berteraskan suatu upaya strategik dalam menguruskan sumber negeri yang terbatas.

### **Program Air Percuma**

183. Pada tahun 2008, di bawah program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), Kerajaan Negeri Selangor telah memberi air percuma sebanyak 20 meter padu. Program ini telah dicontohi oleh banyak kerajaan negeri lain kerana air telah terbukti program ini memberi impak positif kepada kehidupan rakyat.

184. Pemberian air percuma yang dilaksanakan sekarang diberikan kepada semua lapisan masyarakat. Ini menunjukkan semua pihak menerima faedah hasil pemberian air percuma ini. Namun matlamat asal program air percuma ini adalah untuk membantu mengurangkan beban rakyat khususnya daripada golongan berpendapatan rendah.

185. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan membuat penjajaran semula peruntukan Program Air Percuma di mana fokus akan diberi kepada golongan sasaran yang berada didalam golongan B40. Golongan B40 ini ditakrifkan sebagai mereka yang telah didaftarkan atau berada dalam data E-Kasih.

186. Kerajaan Negeri yakin golongan B40 ini lebih berkeperluan dan lebih menghargai untuk bantuan air percuma ini. Mereka akan mendapat lebih manfaat dari pensejajaran semula air percuma nanti.

Harapan kerajaan agar penjajaran ini bukan sahaja membantu mereka dalam kehidupan seharian tetapi membantu meringankan beban belanja bulanan dengan lebih berkesan. Untuk itu, kerajaan Negeri Selangor bersetuju menaikkan jumlah air percuma dari 20 meter padu sebulan kepada 25 meter padu sebulan.

187. Bagi tahun 2019, jumlah yang diperuntukkan kepada Program Air Percuma selepas penjajaran dilakukan adalah sebanyak RM80 juta dan ini membolehkan kerajaan negeri membuat penjimatan sebanyak RM105.2 juta. Penjimatan ini akan dapat dikembalikan kepada rakyat melalui program pembangunan dan program mensejahterakan rakyat.

### **Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)**

188. Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) telah menjadi program yang mendapat sambutan luar biasa di kalangan rakyat Selangor khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Program ini telah memberi manfaat kepada 40,000 orang ibu di seluruh Selangor.

189. Mulai tahun hadapan, agenda empowerment yang dimaksudkan adalah di mana para penerima KISS ini berpeluang untuk terpilih sebagai peserta Work From Home, sebuah program pemberdayaan golongan wanita oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama positif daripada syarikat swasta dalam memberi kemahiran sehingga para peserta ini mampu untuk menjana pendapatan.

190. Penglibatan proaktif 56 buah Pusat Wanita Berdaya (PWB) di seluruh Selangor juga turut sama dizahirkan dalam mengenalpasti para penerima KISS yang berpotensi untuk menjadi peserta Work From Home ini.

191. Para peserta hasil daripada kemahiran dan nilai tambah yang diberikan ini seterusnya mempunyai ruang dan peluang untuk menceburkan diri bagi memulakan perniagaan melalui permohonan IPR seterusnya iaitu Hijrah Selangor.

192. Pembaharuan melalui usaha empowerment oleh Kerajaan Negeri terutama kepada golongan B40 ini adalah diharapkan memberi ruang dan peluang kepada para penerima bantuan agar mampu berdikari untuk menjana pendapatan keluarga dan keluar daripada kepompong kemiskinan yang dihadapi selain turut sama menyumbang secara positif dan proaktif dalam membangunkan negeri.

193. Penerima KISS yang menerima pemberian kemudian akan diberdayakan dan diberi kemahiran untuk menjana pendapatan adalah contoh konsep 'Gift to Empowerment' yang dirancang oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan program KISS dengan peruntukan berjumlah RM 50 juta pada tahun 2019.

#### **Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)**

194. Program TAWAS akan diperbaharui dengan Hadiah Anak Masuk Universiti ataupun Hadiah IPT di mana program ini akan memberi manfaat secara langsung kepada remaja berusia 18 tahun agar dapat digunakan untuk memenuhi keperluan melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi masa kini dan tidak lagi kepada permohonan baru bagi bayi yang baru lahir sebagaimana sedia ada. Kerajaan Negeri melihat penajaran ini adalah perlu memandangkan graduan kini lebih memerlukan bantuan kewangan bagi memenuhi kelengkapan di peringkat pendidikan tinggi.

195. Kerajaan Negeri Selangor akan berbincang dengan Permodalan Nasional Berhad bagi meneruskan dana tabungan permulaan bagi bayi baru lahir menerusi program Amanah Dana Anak Malaysia 2050 iaitu ADAM50 di bawah kendalian Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).)

196. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM 25 juta ke dalam Tabung Amanah Warisan Anak Selangor (TAWAS) bagi tahun 2019 untuk penerima manfaat.

## **Skim Peduli Sihat**

197. Skim Peduli Sihat adalah satu kebijakan yang terbukti memberi impak positif kepada kehidupan rakyat negeri Selangor. Kesan positif tersebut terbukti apabila polisi ini diterapkan dalam Manifesto Pakatan Harapan Pilihanraya Umum ke 14.

198. Selaras dengan dasar federalisme yang dilaksanakan, pemurnian senarai penerima kad peduli sihat dengan kerjasama pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan dilaksanakan sebagai usaha bagi mengesahkan kelayakan para penerima agar Skim Peduli Sihat ini dapat diteruskan dengan memberi manfaat kepada keluarga yang benar-benar berkelayakan menerima manfaat tersebut.

199. Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri Selangor akan memperuntukkan RM 10 juta bagi Skim Peduli Sihat.

## **Insentif Perkahwinan Belia**

200. Negeri Selangor mencatatkan jumlah kes penceraian yang sangat membimbangkan. Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan kursus perkahwinan dan kekeluargaan yang lebih komprehensif merangkumi isu pengurusan kewangan, emosi dan spiritual, penjagaan anak dan pengurusan keluarga.

201. Kursus dan program pembangunan kekeluargaan ini akan menggantikan insentif perkahwinan belia. Kerajaan Negeri akan menggunakan jumlah peruntukan yang digunakan untuk insentif

perkahwinan belia bagi melaksanakan kursus kekeluargaan komprehensif kepada pasangan baru berkahwin.

202. Pelaksanaan program-program pembangunan kapasiti dalam bidang kekeluargaan dan kerohanian yang memberi impak berterusan untuk jangka masa panjang kepada pasangan. Selain itu juga program-program pementapan institusi kekeluargaan dengan kerjasama agensi lain seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dalam mengukuhkan modul-modul serta kursus-kursus perkahwinan dan kekeluargaan (*Smart Start dan Parenting*) sedia ada.

## **STRATEGI KETIGA : AGENDA PENCERAHAN SELANGOR DAN PEMBANGUNAN SENI DAN BUDAYA**

### **Agenda Pencerahan Selangor**

203. Pembangunan sesebuah negeri tidak akan lengkap tanpa mempunyai agenda yang dapat meningkatkan kefahaman rakyat dan meluaskan wawasan intelektual mereka. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri percaya Agenda Pencerahan Selangor yang terdiri daripada Inisiatif Buku Darul Ehsan dan juga projek buku audio wajar diteruskan. Sebanyak 22 buah buku-buku penting dari pelbagai bahasa telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu. Manakala 15 buah buku yang telah diaudiokan termasuk buku-buku klasik Melayu seperti Hikayat Abdullah yang dibaca oleh pelakon terkenal Wan Hanafi Su dan juga Hikayat Melayu oleh M. Nasir. Sejumlah RM 1 juta akan diperuntukkan untuk melaksanakan inisiatif ini.

### **Masterplan Pembangunan Seni dan Budaya Selangor**



204. Sejak sekian lama, Negeri Selangor sentiasa menjadi negeri tumpuan para seniman dalam pelbagai bidang. Mereka bukan sahaja tinggal di negeri ini tetapi menjadi tempat untuk berkarya dan menghasilkan produk seni mereka. Sudah tiba masanya untuk Kerajaan Negeri mempunyai masterplan yang komprehensif berkenaan dengan seni dan kebudayaan agar potensi yang sedia ada ini dapat menyumbang kepada pembangunan negeri yang lebih holistik.

205. Negeri Selangor juga adalah pusat perkembangan seni halus (fine arts) di Malaysia. Terdapat banyak studio lukisan, galeri dan fakulti seni lukis berada di Negeri Selangor terutama sekali di Shah Alam. Kelebihan ini perlu digarap agar Negeri Selangor dapat memposisikan kedudukannya sebagai sebuah pusat seni kontemporari utama di Asia Tenggara. Saya ingin mencadangkan sebuah galeri seni halus yang dinamakan sebagai Shah Alam Modern Arts (SAMA) ditubuhkan dalam jangka masa lima tahun. Sehubungan itu peruntukan sebanyak RM2.5 juta diperuntukkan sebagai dana tunas untuk penubuhan SAMA dan pembentukan masterplan pembangunan seni dan budaya Negeri Selangor.

### **Shah Alam Dialogue**

206. Selari dengan matlamat untuk menjadi gerbang serantau dalam bidang ekonomi, Negeri Selangor juga perlu menjadi pemain utama yang mencorakkan wacana kontemporari dalam isu-isu strategik seperti keselamatan, pemanasan global, alam sekitar dan tekonologi. Saya ingin mencadangkan agar satu program khusus yang dinamakan sebagai Shah Alam Dialogue yang akan menjadi ruang untuk tokoh-tokoh bertaraf antarabangsa menyampaikan pandangan dan pemikiran mereka. Program ini bukan sahaja akan menjadi platform kepada ahli akademik dan intelektual tetapi juga untuk masyarakat di negeri Selangor mendapatkan analisa terkini yang bersifat serantau dan global. Saya mencadangkan sejumlah RM 1 juta untuk program ini.

### **Selangor Modest Fashion Week**

207. Menurut laporan State of The Global Islamic Economy 2017-2018 oleh Thomsons Reuters, perbelanjaan untuk busana santun (*modest fashion*) pada tahun 2022 dijangka mencecah RM1 trillion. Perkembangan komersial fesyen santun dapat dilihat begitu rancak di Shah Alam dan Bandar Baru Bangi. Justeru itu, saya ingin mencadangkan penganjuran Selangor Modest Fashion Week agar potensi bidang ini dapat ditonjolkan dengan lebih optimum. Sejumlah RM 1 juta diperuntukkan untuk program ini.

### **Tradisi dan Warisan**

208. Pemeraksanaan program seni kebudayaan yang berteraskan elemen tradisi dan warisan adalah amat wajar untuk disemarakkan supaya tidak ianya tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas. Sejumlah RM1.5 juta pada tahun 2019 dan dicadangkan agar sebuah Festival Alam Melayu Negeri Selangor dan 'Rentak Selangor International Festival' diadakan sebagai salah satu usaha berterusan kerajaan negeri dalam memartabatkan serta merencanakan seni kebudayaan di negeri Selangor.

### **STRATEGI KEEMPAT: MELESTARIKAN ALAM SEKITAR**

209. Kerajaan Negeri Selangor bertekad bagi menerajui usaha melestarikan alam sekitar dan memelihara alam semulajadi dari menjadi mangsa pembangunan yang pesat. Teknologi yang semakin maju dan era Revolusi Perindustrian 4.0 menjadi pemangkin kepada usaha melestarikan alam sekitar demi memelihara ekosistem negeri dan masa depan yang lebih selesa.

210. Ahli ekologi terkenal dari Kanada Pierre Dansereau yang dijuluki Bapa Ekologi pernah mengungkapkan "Perancangan untuk memulihkan semula alam sekitar dan dunia kini adalah tugas terpenting manusia. Malah, itu boleh menjadi penentu kelangsungan kehidupan kita"

211. Kerajaan Negeri Selangor memberi jaminan untuk mengekalkan keluasan kawasan hutan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keluasan Negeri Selangor. Alhamdulillah, jumlah keluasan hutan pada hari ini adalah sebanyak 31.5 peratus atau 250,129 hektar daripada keseluruhan keluasan Negeri Selangor.

212. Kawasan hutan mempunyai estetika yang tidak ternilai seperti sungai, air terjun, jeram, pembentukan batu yang unik, flora dan fauna, tanah lembap dan panorama indah yang menjadi daya tarikan utama sebagai destinasi pelancong tempatan dan luar negara. Maka sejumlah RM5.6 juta diperuntukkan kepada Jabatan Perhutanan untuk program pembangunan dan perlindungan hutan.

### **Waste To Energy**

213. Sudah tiba masanya Negeri Selangor untuk beralih daripada cara konvensional dalam melupuskan sisa pepejal kepada satu sistem pengurusan pelupusan yang menggunakan teknologi tinggi berikutan peningkatan keperluan kepada tapak pelupusan untuk melupuskan sampah. Peningkatan ini adalah selaras dengan pertambahan penduduk dan aktiviti masyarakat, ditambah pula dengan gaya hidup generasi baharu yang sangat terdedah kepada penggunaan sisa pepejal seperti plastik, logam, sisa bahan makanan, bahan binaan dan landskap.

214. Kaedah pelupusan sisa pepejal yang diamalkan sekarang tidak lagi lestari dan relevan untuk diteruskan pada masa akan datang, bukan sahaja kerana ianya akan memberi kesan kepada alam sekitar, malah apa yang penting ialah isu kekurangan tanah untuk digunakan sebagai tapak pelupusan serta kos pengawasan dan penyelenggaraan tapak pelupusan untuk tempoh yang lama selepas ianya ditutup.

215. Menyedari hal ini, Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad (WHB) akan melaksanakan kerja-kerja pembangunan satu sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal menyeluruh yang akan menggunakan teknologi Waste To Energy (WTE), iaitu satu teknologi yang memproses sisa pepejal dan menukarnya kepada haba, stim serta tenaga elektrik

di Jeram, Kuala Selangor. Kos pembangunan projek ini adalah sebanyak RM500 juta yang akan dibiayai oleh WHB dan Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sejumlah RM40 juta bagi tujuan pengambilan tanah.

216. Penjanaan tenaga melalui WTE kini dilihat semakin penting untuk menjadikan sisa pepejal sebagai salah satu sumber bahan api mampan dan merupakan satu strategi pelaburan tenaga diperbaharui yang berpotensi, khususnya di Selangor. Selain itu, ianya adalah sangat merugikan sekiranya Negeri Selangor terus menggunakan kaedah sedia ada untuk melupuskan sisa pepejal sedangkan jika menggunakan kaedah WTE, tapak kawasan itu kelak boleh digunakan semula untuk tujuan pembangunan lain dengan lebih cepat.

217. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri akan terus meneroka kaedah-kaedah atau teknologi tinggi yang memberi kesan yang positif dalam memastikan isu sisa pepejal di Negeri Selangor dapat diselesaikan dengan kaedah kerjasama pihak swasta secara Public Private Partnership (PPP).

## **Perbandaran Hijau**

218. Kepelbagaian biodiversiti yang unik di Negeri Selangor perlu terus dipelihara dan dipulihara. Bagi tujuan tersebut, pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan RM2.5 juta bagi usaha-usaha memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga alam sekitar, kesan perubahan iklim serta pemanasan bumi harus diperkukuh dengan memberi fokus kepada Pelaksanaan Tanam Pokok Dalam Bandar serta Pengindahan Lanskap di sekitar bandar-bandar utama dalam Negeri Selangor. Manakala sejumlah RM3.15 juta peruntukan bagi tujuan pemuliharaan alam sekitar ke atas bekas tapak pelupusan sisa pepejal.

## **Pengekalan Warisan**

219. Dalam melaksanakan pemajuan dan pembangunan fizikal yang pesat Kerajaan Negeri tetap menekankan dan menitik beratkan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan, sama ada dalam bentuk geologi semulajadi, adat-budaya mahupun bangunan lama.

220. Untuk tahun hadapan, sejumlah RM1.3 juta di bawah myPlan Malaysia diperuntukkan. Antara fokusnya adalah meneruskan lagi usaha bagi mempromosi Permatang Kuarza, di dalam Daerah Gombak. Langkah ini adalah untuk mendapat pengiktirafan UNESCO dalam kategori warisan semula jadi sebagai tapak warisan kebangsaan dan tapak warisan dunia. Kerajaan Negeri akan membuat publisiti berimpak tinggi bagi mengangkat pencalonan tapak Permatang Kuarza Gombak Selangor kepada pihak World Heritage Committee baik di dalam mahupun di luar negara menerusi multimedia, dokumentari dan penyertaan pameran di persidangan antarabangsa.

221. Warisan bernilai seperti ini harus dikekalkan dan dirancang secara holistik tanpa ada unsur pencerobohan yang boleh menggugat dan menghilangkan warisan yang telah terbentuk jutaan tahun dahulu. Kerajaan negeri berharap dengan kepelbagaian biologi dan geologi di kawasan berkenaan, ia dapat dijadikan rujukan pengkaji-pengkaji di bidang berkaitan serta terus unggul sebagai legasi kepada generasi akan datang.

222. Selain itu, kerajaan negeri tidak akan mengeneipkan dan membuat pengenalpastian ke atas tapak-tapak warisan lain dan akan diberi pengiktirafan serta dipertingkatkan iaitu Bukit Malawati dan Taman Rimba Templer sebagai Tapak Warisan Kebangsaan.

223. Kerajaan Negeri juga sangat prihatin dalam memastikan persekitaran yang mampan dan kehidupan komuniti yang sejahtera, supaya isu-isu daya huni bandar ditangani. Oleh itu, amat perlu mengawal keseimbangan pembangunan untuk mengelakkan pencerobohan kawasan sensitif alam sekitar, kawasan tadahan semulajadi dan kawasan pertanian utama di Negeri Selangor. Lantas, Kajian Rebakan Bandar

Negeri Selangor akan dijalankan pada tahun 2019 bagi mengenal pasti had pembangunan rebakan bandar (urban sprawl) serta tren pembangunan fizikal yang akan memacu kualiti dan imej

perancangan bandar Negeri Selangor dengan peruntukan sebanyak RM1.42 juta bagi tujuan pelaksanaan kajian lain untuk pembangunan bandar dan desa yang akan dilaksanakan pada tahun 2019.

224. Kepelbagaian biodiversiti di Negeri Selangor perlu terus dipelihara dan dipulihara secara lestari. Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan RM400,000 pada tahun 2019 dalam usaha meningkatkan kesedaran serta menggalakkan sikap menyayangi serta melindungi sumber biodiversiti negara di kalangan pelbagai lapisan masyarakat dan diperkukuhkan melalui aktiviti-aktiviti seperti Program Pendidikan Biodiversiti, Pameran penerbitan bahan cetak serta ceramah kesedaran. Pelaksanaan Hari Tapir Peringkat Negeri Selangor yang diadakan pada setiap tahun juga merupakan inisiatif pihak Jabatan dalam mempertingkatkan kesedaran yang dimulai dengan peringkat sekolah.

### **Low Carbon City**

225. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2 juta untuk tahun 2019 bagi memastikan Negeri Selangor menuju ke arah negeri pintar dan rendah karbon dengan melaksanakan pembangunan mampan secara holistik. Bagi tahun 2016 hingga 2018, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai agenda berkaitan teknologi hijau dengan berpandukan kepada Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2016-2018. Usaha ini telah membuktikan bahawa Kerajaan Negeri amat menitik beratkan agenda berkaitan teknologi hijau yang merupakan asas kepada fokus bagi pengurangan karbon.

226. Seterusnya, bagi meneruskan kesinambungan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2016-2018, Kerajaan Negeri akan menyediakan Blueprint Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2019-2023 yang akan menjadi sumber rujukan utama dalam melaksanakan agenda pembangunan teknologi hijau di negeri ini. Dengan hasrat ini, Kerajaan Negeri yakin akan menyumbang kepada pengurangan karbon bagi mencapai sasaran 40% pengurangan seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

## **STRATEGI KELIMA : RAKYAT BAHAGIA NEGERI SEJAHTERA**

Tuan Speaker,

227. Strategi yang terakhir ini menumpukan ikhtiar Kerajaan Negeri untuk memastikan kemaslahatan serta kedudukan sosio-ekonomi rakyat Negeri Selangor terjamin. Manakala upaya merancakkan ekonomi diperkukuhkan, Negeri Selangor memperlihatkan suatu rencana ekonomi seimbang yang menitikberatkan kehidupan rakyat.

### **Rumah Idaman Rakyat Selangor**

228. Pada ketika ini komposisi nisbah rumah mampu milik dan harga bebas adalah tidak seimbang berikutan pemaju kerap kali memohon untuk mengurangkan penyediaan rumah mampu milik. Ini dapat dilihat di mana kerja-kerja pembangunan rumah harga bebas oleh pemaju lebih pesat berbanding dengan rumah mampu milik.

229. Untuk mengatasi isu ini, inisiatif pendemokrasian perumahan MBI akan dilaksanakan iaitu pembangunan 100% rumah mampu milik di atas tanah milik MBI yang berharga tidak melebihi RM250,000. Ciri-ciri rumah berkeluasan lebih 1000 kaki persegi beserta dua parkir kereta dilengkapi perabot seperti kabinet dapur dan kabinet bilik tidur, pemanas air dan penghawa dingin di setiap bilik tidur.

230. Setakat ini Lembaga Pengarah MBI telah meluluskan pembinaan sebanyak 5,000 unit di Bangi Lama (1,100), Sungai Sering Hulu Klang (2,500) dan Paya Jaras (1,400). Kerajaan Negeri

mensasarkan pembinaan sebanyak 30 ribu rumah dalam masa lima tahun demi memenuhi cita-cita ini.

231. Pihak kerajaan juga sedang berbincang dengan pihak Maybank yang secara dasarnya telah bersetuju dengan kaedah Rent-To-Own (RTO) pada harga asal ketika mula menduduki rumah tersebut. Selain itu pembiayaan pinjaman 100% serta beberapa inisiatif lain bagi meringankan beban pembeli memiliki rumah idaman mereka. Antaranya, jumlah sewa bulanan yang berpatutan serta 20 peratus sewa menjadi simpanan. Pihak Maybank telah menyediakan dana berjumlah RM 1 billion bagi tujuan ini.

### **Pembangunan Rumah Selangorku**

232. Usaha Kerajaan Negeri bersama pihak swasta membina Rumah Selangorku pelbagai jenis di lokasi yang strategik telah melepasi sasaran awal sebanyak 15,000 unit seperti mana yang ditetapkan menjelang 2018. Sehingga 31 Ogos 2018 sebanyak 28,639 unit telah pun dibina di mana 3,770 unit telah diserahkan dan 24,869 kini dalam pembinaan yang mana ianya dijangka siap pada awal 2025 di mana penawaran telah dibuat. Bakinya 75,991 unit di mana 60% di peringkat Kebenaran Merancang dan 40% di peringkat Pelan Bangunan.

233. Pemantauan berkala dibuat bagi memastikan pemaju mematuhi dan mendahului pembinaan Rumah Selangorku terlaksana. Kerajaan Negeri tidak teragak-agak untuk membatalkan kelulusan yang telah diberi sekiranya pemaju tidak memberikan kerjasama walaupun rundingan-rundingan telah dibuat selama 18 bulan selepas kelulusan diberi. Kerajaan Negeri percaya bahawa permasalahan rumah mampu milik dapat diatasi dengan lebih banyak pembinaan Rumah Selangorku dibuat.

### **Skim Smart-Sewa**



234. Skim Smart-Sewa merupakan program Kerajaan Negeri yang diwujudkan untuk membantu rakyat golongan muda yang berpendapatan sederhana sehingga RM5,000.00 untuk menyewa selama minima 2 tahun dan maksima 5 tahun di mana penyewa akan dikembalikan 30 peratus daripada jumlah keseluruhan sewaan bersih untuk digunakan sebagai deposit atau pembayaran perjanjian, duti setem dan sebagainya dalam membeli kediaman baru. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan memberi keutamaan kepada penyewa tersebut untuk ditawarkan di mana-mana projek Rumah Selangorku yang dipohon oleh penyewa berkenaan supaya mereka dapat memiliki kediaman sendiri sekurang-kurangnya dalam tempoh lima (5) tahun.

235. Sehingga hari ini, sebanyak 842 unit rumah mampu milik dengan kos RM122.8 juta telahpun diproses untuk pemilikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) dilantik sebagai agen pengurusan bagi melancarkan pelaksanaan skim ini. Sebanyak 341 unit rumah telah sedia untuk disewakan dengan kadar sewaan daripada RM450.00 sebulan sehingga RM650.00 sebulan.

236. Bagi tahun 2019 Kerajaan Negeri menetapkan supaya Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor memperuntukkan sejumlah RM50 juta untuk pembelian rumah bagi Skim Smart Sewa. Program ini perlu diteruskan memandangkan ianya mendapat sambutan menggalakkan daripada generasi muda. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk membantu mereka merangka perancangan masa depan supaya mereka dapat bebas menentukan hala tuju hidup masing-masing.

### **Skim CERIA**

237. Kerajaan Negeri meneruskan Skim CERIA dengan peruntukan sebanyak RM10 juta pada tahun 2019 yang merupakan bantuan baik pulih kerosakan harta bersama pangsapuri kos rendah dan sederhana berharga RM42,000.00 hingga RM150,000.00 di mana tiada lagi wujudnya perkongsian kos antara Kerajaan Negeri dan penduduk memandangkan kos hidup yang semakin tinggi dan kepayahan penduduk untuk membayar kos tambahan selain daripada caj penyelenggaraan.

238. Kos penyenggaraan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa dan ianya di luar kemampuan pemilik dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) untuk membuat pembaikan. Dari itu, Skim CERIA adalah elemen penyelamat kepada JMB dalam menguruskan kerja-kerja sivil, penyenggaraan lif dan pengindahan.

239. Sejak mula dilaksana pada Disember 2010 sehingga setakat Disember 2017 sejumlah 283 kawasan dengan 849 blok pangsapuri telah pun menerima manfaatnya dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM92.2 juta.

240. Manfaat bantuan Skim CERIA ini meliputi anggaran melebihi 171,700 unit kediaman dengan rangkuman seramai 858,500 penduduk di pangsapuri-pangsapuri berkenaan.

241. Kerajaan Negeri berharap agar penduduk menjaga harta bersama dari vandalisme supaya ianya berkekalan untuk tempoh yang lebih panjang. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan elemen-elemen pendidikan dan pemberdayaan komuniti berdasarkan perundangan serta polisi/dasar sedia ada.

### **Projek Tebatan Banjir dan Saliran (JPS)**

242. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan permasalahan rakyat dan mengutamakan kesejahteraan rakyat terutama dalam menangani isu banjir dan saliran, maka sejumlah RM89.2 juta disediakan kepada Jabatan pengairan dan Saliran. daripada jumlah tersebut, sebanyak RM47.56 juta bagi tujuan pembangunan projek tebatan banjir. Pada tahun 2018, sebanyak 9 projek fizikal telah disiapkan. Skop utama projek-projek ini adalah bagi mengatasi banjir kilat yang sering berlaku di kawasan berkenaan. Antara projek yang dapat memberikan impak bagi mengurangkan kesan banjir

kilat adalah Projek Tebatan Banjir di Sg Semenyih di Kg Batu 3 dan kerja-kerja berkaitan Mukim Semenyih Daerah Hulu Langat. Projek ini telah disiapkan pada 24 April 2018.

243. Skop kerja bagi projek ini adalah pelebaran sungai, pembinaan 'drop structure' dan juga struktur pengukuhan tebing seperti counterwall, armour rock dan geobag. Kejadian banjir akan berlaku setiap musim monsun melanda. Namun setelah projek siap, sehingga kini tiada kejadian banjir berlaku di kampung yang terlibat.

244. Selain itu, sejumlah RM22.59 juta pula disediakan bagi tujuan projek Menaiktaraf Sistem Saliran dan antara projek 2018 adalah di Kawasan Sg Kandis, Daerah Klang. Projek ini juga telah memberikan impak positif dalam mengurangkan kejadian banjir kilat. Kawasan yang terlibat adalah kawasan perindustrian di Jalan Dato' Sellatheivan dan banjir kilat sering terjadi jika hujan lebat berlaku. Projek ini telah siap pada 13 Januari 2018 melibatkan kos sebanyak RM 13,523,859.90. Skop utama projek ini adalah pembinaan struktur tebatan banjir menggunakan 'post and panel system', kerja mendalamkan sungai dan juga menggantikan jambatan.

245. Selain projek tebatan banjir, JPS Negeri Selangor juga melaksanakan projek hakisan pantai dengan peruntukan 2019 berjumlah RM4 juta untuk projek dalam pembinaan iaitu projek menaiktaraf struktur dan ban di Pantai Batu Laut Kuala Langat dengan peruntukan sebanyak RM1.8 juta dan di Tanjung Rhu sebanyak RM1 juta serta kerja pembaikan tembok penahan ombak di Pantai Dataran Morib dengan peruntukan sebanyak RM1 juta. Projek 2018 yang telah dilaksanakan adalah Kawalan Hakisan dan Memperkukuh Benteng Pantai Blok 1, Blok 2 dan Coastal Belt (Fasa 2), Daerah Sabak Bernam. Projek ini telah disiapkan pada 24 Julai 2018 dengan kos sebanyak RM 3.572 juta. Projek ini merupakan projek sambungan daripada fasa 1 yang telah siap pada 31 Oktober 2017.

246. Isu ban pantai pecah akibat daripada ombak dan air pasang besar telah menyebabkan limpahan air laut di kawasan politeknik Sabak Bernam, Sekolah Integrasi dan juga Pusat Latihan Akauntan Negara. Skop utama projek ini adalah pembinaan armour rock di sepanjang benteng pantai bagi mengurangkan kesan hakisan akibat daripada ombak. Setelah projek disiapkan, kesan kejadian banjir telah berkurang. Namun begitu, projek sambungan perlu dibuat bagi mengatasi kejadian banjir sepenuhnya akibat daripada limpahan air laut.

247. Sebanyak 34 projek fizikal masih di dalam pelaksanaan. Daripada keseluruhan projek ini sebanyak 31 projek merupakan projek pencegahan banjir di mana skop kerja adalah kerja tebatan banjir, menaiktaraf saluran dan juga pembinaan kolam takungan banjir. Sekiranya projek-projek ini telah disiapkan dijangka dapat mengurangkan frekuensi kejadian banjir kilat yang sering berlaku di seluruh Negeri Selangor.

248. Selain itu, 3 projek berimpak tinggi yang akan dilaksanakan bermula tahun 2019 adalah Projek Tebatan Banjir Sg Buloh (Fasa 1) dengan kos siling sebanyak RM50 juta, Projek Tebatan Banjir Sg Langat (Fasa 1) dengan kos siling sebanyak RM40 juta dan juga Projek Tebatan Banjir di Lembangan Sg Labu dengan kos siling sebanyak RM37.3 juta.

### **Perkasa Kemudahan & Pengangkutan Awam**

249. Pasar yang moden dan bersih serta mempunyai kemudahan yang baik berpotensi untuk menarik lebih ramai pengunjung dan seterusnya dapat meningkatkan ekonomi peniaga-peniaga tempatan. Sehubungan itu, bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar sebanyak RM 2 juta akan diperuntukkan untuk menaik taraf pasar-pasar di kawasan PBT berstatus majlis daerah kepada pasar moden.

250. Pasar merupakan salah satu destinasi utama warga tempatan untuk mendapatkan bekalan makanan harian sama ada basah atau kering. Dengan bilangan pengunjung yang ramai, Kerajaan Negeri berpendapat, adalah baik sekiranya pasar tersebut dijadikan sebagai satu platform yang dikenali sebagai Pusat Khidmat Setempat untuk membolehkan orang awam mendapatkan perkhidmatan yang bersesuaian daripada PBT masing-masing. Pusat Khidmat Setempat ini boleh dibuka sekurang-kurangnya dua kali seminggu di mana ia juga wajar digunakan oleh Ahli Majlis/ wakil rakyat sebagai satu *medium engagement* bersama komuniti setempat.

251. Isu kebersihan tandas awam bukan perkara baru di Malaysia khususnya yang melibat premis-premis makanan seperti di medan selera dan restoran. Imej sesebuah premis makanan kadang kala tercemar hanya kerana kemudahan tandas yang disediakan kepada pengunjung dalam keadaan yang tidak memuaskan.

252. Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi Smart Selangor Toilet (SST) dalam membantu usaha menaik taraf tandas di premis makanan termasuk membuat promosi secara meluas berkenaan kepentingan kebersihan tandas di premis-premis makanan. Selain itu, dicadangkan agar satu pengiktirafan akan diberikan kepada premis-premis makanan yang telah menyediakan kemudahan tandas yang bersih dan baik sama ada dengan pemberian sijil, penarafan gred kualiti tandas, insentif berbentuk wang tunai ataupun lain-lain insentif yang sesuai.

253. Jaringan pengangkutan di Negeri Selangor merangkumi kepelbagaian sistem pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT), Mass Rapid Transit (MRT), Bus Rapid Transit (BRT), komuter dan perkhidmatan bas. Capaian penggunaan pengangkutan ini perlu disokong dengan perkhidmatan yang berkesan dan reliable bagi memperkasakan sistem pengangkutan yang cekap.

254. Seiring dengan pembangunan infrastruktur pengangkutan sedia ada, peranan dan galakan untuk memanfaatkan penggunaan basikal sebagai mod pengangkutan alternatif bagi mencapai kesalinghubungan pengangkutan awam berkonsepkan Perbatuan Pertama dan Terakhir (First and Last Mile) serta perkongsian basikal (bike sharing) perlu diperluaskan sebagai pengangkutan alternatif baru.

255. Penyediaan perkhidmatan Bas Smart Selangor oleh Kerajaan Negeri ketika ini telah memasuki tahun ke-tiga pelaksanaan, mempunyai 38 laluan perkhidmatan bas baru yang diperkenalkan dengan jumlah 123 buah bas di 11 PBT. Bas Smart Selangor merupakan kerjasama Kerajaan Negeri dengan komitmen PBT dalam mempertingkatkan kesalinghubungan jaringan pengangkutan awam ke arah jaminan kebolehcapaian masyarakat dengan mewujudkan permintaan-permintaan bagi connectivity serta capaian kawasan bandar dan luar bandar yang lebih baik.

256. Dengan jumlah penumpang mencecah 25 juta orang bagi tempoh sehingga 31 Ogos 2018, Kerajaan Negeri akan meneruskan perkhidmatan ini dengan penambahbaikan seperti penjadualan dan kesesuaian bas yang lebih efisien bagi memastikan penggunaannya bermanfaat untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Kejayaan Kerajaan Negeri menyediakan perkhidmatan bas percuma ini bukan sahaja diiktiraf oleh The Malaysia Book Of Records, malah menjadikan Negeri Selangor sebagai role model yang perlu dicontohi negeri-negeri lain untuk menyediakan perkhidmatan seumpamanya.

257. Bagi memastikan kelangsungan pelaksanaan Bas Smart Selangor kekal relevan dengan perkhidmatan yang lebih moden, sistematik dan mesra pengguna, sebanyak RM30 juta telah diperuntukan bagi tahun 2019 sebagai usaha Kerajaan Negeri yang prihatin dalam mempertingkatkan taraf perhubungan pengangkutan awam yang memberi manfaat kepada rakyat.

258. Dengan capaian perkhidmatan pengangkutan yang cekap serta dipercayai akan membolehkan Kerajaan Negeri Selangor terus maju ke hadapan dan mencerminkan kehidupan masyarakat yang sejahtera.

## **Kesihatan**

259. 'Mencegah lebih baik daripada mengubati' adalah peribahasa yang sudah diketahui umum, akan tetapi pengetahuan ini mungkin tidak diacuhkan dalam kehidupan seharian individu mahupun masyarakat. Ramai yang peka terhadap kesihatan diri namun hanya mendapatkan rawatan apabila simptom sebenar penyakit kronik seperti penyakit jantung, tekanan darah tinggi, kanser dan kencing manis telah dikenalpasti. Semakin hari, kos rawatan semakin tinggi terutama apabila telah berada di tahap kritikal. Ini dapat dielakkan jika kita mencegahnya dari awal.

260. Dari itu, belanjawan negeri akan memfokuskan kepada program-program pencegahan untuk mengurangkan kadar penyakit tidak berjangkit dan dalam masa yang sama menurunkan kadar penyakit berjangkit. Lanjutan itu, sebanyak RM21 juta telah diperuntukan bagi menjayakan hasrat Selangor Negeri Sihat.

261. Peruntukan ini meliputi RM 10 juta untuk Skim Peduli Sihat, Program Pencegahan Denggi RM 3 juta serta Program Bantuan Sihat Selangor termasuk Dialisis berjumlah RM 5 juta.

### **Pemakanan Sihat**

262. Ramai tidak menyedari akan kepentingan pengambilan makanan yang seimbang dan berkhasiat adalah untuk memastikan kesihatan yang baik. Tubuh manusia memerlukan tenaga serta nutrien-nutrien yang berbeza untuk berfungsi secara normal dan tiada satu jenis makanan yang dapat memberi kesemua keperluan tersebut. Keperluan nutrien ini dapat dipenuhi melalui pengambilan makanan yang pelbagai, seimbang dan sederhana berdasarkan kepada Piramid Makanan Malaysia. Selari dengan kempen Pinggan Sihat Malaysia yang dilaksanakan di peringkat pusat, Kerajaan Negeri seiringan mendukung dan akan melebarkan liputan maklumat tersebut.

263. Kerajaan Negeri akan melaksanakan program yang dinamakan Selangor SLIM di mana semua masyarakat digalakkan untuk menjalani amalan hidup Sihat dengan mendapatkan dan mengekalkan berat badan ideal. Program ini menggalakkan masyarakat untuk menjalani aktiviti fizikal secara rutin, mengamalkan pemakanan sihat, melakukan pemeriksaan kesihatan serta menghadiri kempen-kempen kesihatan yang dianjurkan bagi memastikan rakyat Selangor mempunyai pengetahuan yang luas serta bijak dalam penjagaan kesihatan. Program ini akan dilaksanakan di bawah Gaya Hidup Sihat dan diperuntukkan sebanyak RM 2 juta.

### **Kesihatan Mental**

264. Di samping itu, penekanan kepada program-program kesihatan mental juga akan digiatkan dengan memperluaskan peranan Pusat Kaunseling Selangor sedia ada dengan mengaktifkan sesi kaunseling atas talian. Segala luahan rasa boleh disalurkan melalui panggilan telefon untuk mengurangkan tekanan dan mendapatkan nasihat lanjut terhadap kerumitan dialami. Penglibatan NGO dalam menangani masalah kesihatan mental juga amatlah diharapkan bagi bersama kerajaan negeri untuk mengurangkan pesakit mental.

### **Pemberdayaan Generasi Muda**

265. Sehubungan dengan itu, bagi memberdayakan Generasi Muda di negeri ini, salah satu Dasar Belia yang akan diberi penekanan adalah Teras Keusahawanan dan Pekerjaan. Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai insentif kepada belia di Selangor untuk menjadi usahawan yang berjaya dan juga untuk merangsang aktiviti keusahawanan belia di Selangor dengan memberi bantuan perniagaan yang disediakan kepada generasi muda.

266. Selain itu, aktiviti kesukanan yang melibatkan Generasi Muda Program Pesta Sukan Generasi Muda Selangor (GEN-S) akan diperluaskan yang melibatkan belia- belia di Universiti, Kolej, Sekolah - Sekolah di seluruh Negeri Selangor dengan mengekalkan Teras Kesukanan dan Kecergasaan. Program #Youth Power bakal melahirkan Ikon Generasi Muda yang berwibawa dan meneruskan legasi yang berjaya dengan gabungan Pendidikan (Kemahiran) dan Usahawan Muda. Jelajah Muafakat Anak Muda ke setiap Daerah- Daerah Negeri Selangor dengan aktiviti kempen jauhi Dadah adalah memberi fokus kepada Anak - Anak Muda di Kampung dan desa.

267. Di samping itu, dalam usaha untuk memartabatkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang merupakan agen penggerak ke arah pembangunan Negeri, Blueprint Pembangunan Generasi Muda 2018-2022 akan diwujudkan yang akan dijadikan sebagai asas gerak kerja PeBT dan juga sebagai satu panduan dalam pembangunan generasi muda Negeri Selangor pada masa akan datang. Inisiatif ini akan melibatkan pemegang taruh yang berkaitan di dalam pembangunan generasi muda Negeri Selangor dan pemimpin Penggerak Belia Tempatan yang berada di peringkat akar umbi. Peruntukan sebanyak RM 4.96 juta bagi tujuan pemerkasaan generasi muda dan PeBT.



## **Litar Lumba di Gombak**

268. Baru-baru ini Hafizh Syahrin, pelumba kelahiran Selangor mencatatkan sejarah sebagai pelumba Malaysia pertama menyertai perlumbaan MotoGP sebaris pelumba handalan dunia Marc Marquez, Valentino Rossi dan lain-lain lagi.

269. Bagi merancakkan lagi bidang sukan permotoran di Selangor, Kerajaan Negeri bercadang membina satu litar lumba di kawasan Sungai Tua, Gombak. Tanah seluas 20 ekar akan diperuntukkan dan litar lumba ini akan dibina dengan kaedah Public Private Partnership bagi mengalakkan pembangunan sukan permotoran di Selangor dan menganjurkan acara-acara permotoran di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

270. Litar lumba ini akan mempunyai kemudahan berkapasiti 1000 orang penonton dan dilengkapi kemudahan seperti paddock, kafeteria, surau dan gerai jualan.

271. Litar yang dibina akan dibincangkan bersama Persatuan Automobil Malaysia (AAM) bagi mendapatkan spesifikasi dan pengiktirafan yang membolehkan kejohanan yang besar diadakan di litar ini. Bagi memaksimumkan penggunaan, litar ini juga boleh digunakan sebagai litar latihan pemanduan bagi jabatan kerajaan seperti JPJ, Polis dan Bomba.

## **Bola Sepak Selangor**

272. Sinar baru buat The Red Giants apabila Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafudin Idris Shah Alhaj telah dilantik menjadi Presiden Persatuan Bola

Sepak Selangor (FAS). Kerajaan Negeri Selangor yakin dengan kepimpinan dan visi Duli Yang Teramat Mulia Presiden FAS mampu mengembalikan kegemilangan pasukan Merah Kuning yang dinanti-nanti para peminat.

273. Bagi menzahirkan sokongan Kerajaan Negeri Selangor terhadap kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah, peruntukan sebanyak RM 12 juta akan diberi untuk tahun 2019. Peruntukan ini bagi membiayai pasukan bola sepak Selangor, pasukan bola sepak PKNS serta pasukan Selangor United yang akan bertanding di Liga Perdana buat pertama kali. Penstrukturan baharu bola sepak Selangor ini bakal mengambil tempat dalam masa yang terdekat selepas perbincangan lanjut antara pihak yang terlibat. Penstrukturan ini bertujuan bagi mengembalikan semula kegemilangan pasukan bola sepak Selangor di arena bola sepak tanah air dan benua Asia.

### **Selangor Cyber Games**

274. Selangor terus menjadi peneraju dalam bidang e-sukan di Malaysia. Selangor Cyber Games yang bermula pada tahun 2014 telah menjadi jenama yang disegani di kalangan penggiat e-sukan di negara ini.

275. Bermula tahun 2014, penyertaan sebanyak seramai 569 peserta dengan jumlah hadiah terkumpul berjumlah RM 30,000. Kini dalam tahun kelima penganjurannya, Selangor Cyber Games 2018 telah berjaya menarik 1,100 orang peserta dengan jumlah hadiah terkumpul berjumlah RM 250,000.

276. Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri Selangor akan memperuntukkan sebanyak RM 400,000 bagi pembangunan dan penganjuran sukan e-sukan. Kerajaan Negeri turut menyasarkan peruntukan RM 1 juta dari Kerajaan Persekutuan bagi melonjakkan pembangunan sukan e-sukan ke peringkat serantau.

## **Kawalan Haiwan**

277. Sebanyak RM1 juta akan diperuntukkan untuk mengawal dan mencegah haiwan-haiwan seperti anjing liar dan kucing terbiar yang mengganggu kesejahteraan penduduk setempat memandangkan terdapat banyak aduan yang diterima oleh PBT berkaitan isu ini.

## **Community Engagement**

278. Penglibatan komuniti dalam menyumbang idea untuk pembangunan kawasan setempat adalah satu cara bagi merapatkan hubungan dua hala antara PBT dengan penduduk.

279. Atas dasar itu, PBT berstatus Bandaraya akan memperuntukkan sebanyak RM3 juta manakala bagi PBT berstatus Majlis Perbandaran pula akan memperuntukkan RM1 juta kepada Jawatankuasa Penduduk untuk tujuan program atau pembangunan setempat.

## **Program Kesukarelawanan**

280. Dalam menuju ke arah Negeri Penyayang atau 'Compassionate State', Negeri Selangor berhasrat membina masyarakat yang peduli kepada komuniti melalui program kesukarelawanan. Negeri Selangor berazam untuk menjadi 'a volunteerism state.' Untuk itu, peruntukan sebanyak RM 10 juta akan diberi bagi program-program kesukarelawanan yang akan dilaksanakan melalui pelbagai 'stakeholders' di peringkat kampung, PBT dan NGO.

281. Program K-SQUAD dengan pelantikan ejen pengurusan yang dilantik Pesuruhjaya Bangunan (COB), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Seksyen 86, Akta 757 bagi pangsapuri kos rendah yang tiada Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) dan ejen pengurusan tidak berminat untuk menguruskan pangsapuri tersebut.

282. Pelantikan ejen pengurusan oleh COB, PBT selaras Seksyen 86, Akta 757 merupakan pendekatan paling berkesan untuk menguruskan pangsapuri yang gagal melantik pemilik untuk menjadi ahli jawatankuasa pengurusan JMB/MC.

283. Setakat ini, statistik PBT yang terlibat adalah di mana 6 PBT dengan sasaran melibatkan sejumlah 12 pemaju pangsapuri yang meliputi 3,599 unit kediaman dengan jumlah peruntukan sebanyak RM176,080.00 dalam tempoh setahun.

### **Peningkatan Populasi Warga Tua**

284. Tanggungjawab menyantuni golongan warga emas tidak pernah dilupakan malah ianya menjadi antara agenda utama Kerajaan Negeri dalam mempersiapkan masyarakat ke arah Negara Tua menjelang 2030.

285. Kerajaan Negeri Selangor prihatin terhadap tahap kesihatan rakyat yang turut melambangkan kemajuan sesebuah negeri. Negeri Selangor bakal berdepan dengan populasi warga emas (berumur) yang melebar dengan pesat.

286. Justeru itu, bagi memastikan tahap kehidupan warga emas lebih terjamin; pemaju bagi projek pembangunan harus menyediakan ruang sekitar 1,200 kaki persegi yang akan dibangunkan sebagai pusat komuniti warga emas di Negeri Selangor.

287. Selain itu membudayakan 'volunteerism' adalah pendekatan Kerajaan Negeri dalam melahirkan semangat kesukarelawan bukan sahaja dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah tetapi juga dalam kalangan warga emas yang masih produktif untuk turut menyumbang secara positif demi kesejahteraan masyarakat keseluruhannya.

288. Secara tidak langsung program seperti ini dapat mewujudkan interaksi positif dan semangat saling menghormati antara generasi yang ada di dalam masyarakat. Melalui pengupayaan ini, golongan muda membantu menyantuni golongan warga emas, manakala golongan warga emas melalui perkongsian pengalaman dan pengetahuan kepada golongan muda.

289. Melalui 'volunteerism', ianya turut membantu dalam mengurangkan cabaran yang dihadapi kira-kira 23% atau 538,000 daripada 2.4 juta warga emas di Malaysia yang mengalami sindrom kesunyian dan sedih akibat tinggal bersendirian kerana berjauhan dengan anak.

## **Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus Kerajaan**

### **Perkasa Pejabat Dewan**

290. Dewan Negeri Selangor di bawah Peraturan-Peraturan Tetap 1965 telah meluluskan penubuhan sembilan (9) Jawatankuasa Pilihan / Jawatankuasa Pilihan Khas untuk Penggal Keempat Belas yang bertujuan untuk memastikan Pembangunan Smart Selangor dilaksanakan dengan telus dan berintegriti sebagai contoh Jawatankuasa Kira - Kira Wang Awam – Public Account Committee (PAC), Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT) dan lain-lain.

291. Dewan Negeri Selangor cakna berhubung keselamatan Persidangan Dewan Negeri telah memperkenalkan Sistem Smart Hadir. Sistem ini bertujuan untuk merekodkan kehadiran dan keberadaan semua peringkat daripada Y.B. Ahli Dewan Negeri, Pegawai Kanan Kerajaan, Pegawai Bertugas hingga Pekerja Am. Kehadiran sentiasa dipantau untuk mengelakkan sebarang perkara tidak diingini berlaku. Y.B. Tuan Speaker Dewan Negeri juga telah bersetuju hanya satu laluan utama

sahaja dibuka sepanjang persidangan berlangsung dan penambahbaikan kepada sistem akan dibuat dari semasa ke semasa.

### **Peningkatan Status**

292. Kerajaan Negeri mensasarkan dua Pihak Berkuasa Tempatan untuk dinaiktaraf dari Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran iaitu Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Kuala Langat. Manakala peningkatan status dari Majlis Perbandaran Subang kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya

### **Institut Pemberdayaan Pekerja**

293. Para pekerja baik penjawat awam mahupun pekerja sektor swasta adalah tulang belakang Negeri Selangor bagi melaksanakan polisi dan kebijakan yang dirangka oleh Kerajaan Negeri. Bagi meningkatkan kecekapan pekerja, menangani isu-isu semasa melibatkan pekerja dan mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), Kerajaan Negeri Selangor akan menubuhkan Institut Pemberdayaan Pekerja yang akan dianggotai wakil dari Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan akan dipengerusikan oleh Syed Syahir bin Syed Mohamud, mantan Ahli Dewan Negara dan Bekas Presiden MTUC. Peruntukan sebanyak RM 1 juta bagi melaksanakan Institut Pemberdayaan Pekerja ini. Negeri Selangor akan terus memberi penekanan khusus kepada golongan pekerja.

### **Pemantapan Kemajuan Islam**

### **Masjid Cina Muslim**

294. Pada tahun 2019, satu projek pembinaan Masjid di Bandar Baru Klang akan mula dibina dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta dengan mengetengahkan rekabentuk ciri dan budaya komuniti Cina. Masjid ini merupakan yang pertama dibina dalam Selangor dan keempat dalam Malaysia selepas Kelantan, Ipoh dan Melaka.

### **Masjid di Gombak**

293. Masjid baru yang akan dibina di Gombak adalah Masjid Al Amaniah dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu bagi kerja rekabentuk dan kajian

### **Lantikan Pegawai Masjid Secara Jawatankuasa Pengurusan**

294. Pentadbiran secara Jawatankuasa Pengurusan membolehkan masjid diselenggara dengan lebih baik kerana pegawai-pegawainya digajikan sebagai penjawat awam. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri berhasrat menambah perlantikan Pengurusan Masjid. Ia terdiri dari seorang Pengurus gred 41, seorang Penolong Pengurus gred 29 dan 2 orang Pembantu Pengurus gred 19 secara contract of service untuk tambahan 10 buah masjid kariah terpilih di seluruh Selangor dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

### **Program Perantis Tahfiz TVET**

295. Persaingan dalam dunia global serta dunia pekerjaan menuntut pembaharuan dalam pengajian tahfiz, terutamanya tahfiz yang dikategorikan sebagai tahfiz tulen. Secara umumnya, Negeri Selangor mempunyai sejumlah 15,000 pelajar tahfiz di 263 sekolah swasta tahfiz yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS). Namun begitu, terdapat kategori pelajar sekolah swasta tahfiz di mana mereka tidak mempunyai kokurikulum dan sistem pendidikan akademik moden malah tidak dikreditkan dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

296. Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) berhasrat untuk mengadakan kerjasama dengan pihak MARA dalam menyediakan program kecekapan TVET formal untuk pelajar-pelajar tahfiz yang berada di dalam kategori yang dikenali sebagai tahfiz tulen ini dengan harapan untuk menyediakan mereka dengan kemahiran-kemahiran tertentu agar mereka menjadi lebih kompetitif, berpeluang memiliki pekerjaan dan pendapatan yang lumayan serta dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik. Perkara ini juga sebagai tambahan kepada kebolehan mereka dalam menghafal Al-Quran dan sekaligus juga mempunyai kemahiran dalam bidang TVET.

297. Program yang dikenali dengan nama Perantis Tahfiz TVET yang akan dilaksanakan secara projek perintis di empat (4) daerah terpilih iaitu Hulu Langat, Petaling, Klang dan Gombak yang menyasarkan 100 pelajar tahfiz tulen untuk diberikan kemahiran.

### **Fast Track SPM Tahfiz**

298. Kerajaan Negeri tertarik dengan inisiatif Unisel yang telah beberapa tahun melaksanakan program tuisyen SPM khas untuk pelajar tahfiz yang tidak mengikuti aliran akademik. Oleh kerana program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan perlu dikembangkan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM1,940,400.00 kepada Jabatan Agama Islam Selangor untuk meneruskan pelaksanaan program fast track SPM pelajar tahfiz persendirian dengan memanfaatkan fasiliti sedia ada sekolah-sekolah JAIS.

### **Konvensyen Mahasiswa Selangor Timur Tengah**

299. Dalam membangunkan generasi pelapis bangsa, anak-anak Selangor di Timur Tengah tidak pernah dikesampingkan. Mulai tahun 2019, Kerajaan Negeri komited untuk memperuntukkan sebanyak RM300,000.00 bagi menganjurkan Konvensyen Mahasiswa Selangor Timur Tengah. Ini merupakan forum untuk mengangkat kewibawaan anak-anak Selangor dalam berorganisasi, serta



menjadi medium pembitaran penting untuk para mahasiswa melalui perkongsian ilmu dan maklumat perkembangan tanah air.

### **Perkukuh Federalisme**

300. Melalui Belanjawan 2019, Kerajaan persekutuan telah memperuntukan sebanyak RM 2.55 bilion khusus untuk projek pembangunan prasarana awam dan program pembangunan demi meningkatkan kesejahteraan dan keselesaan rakyat di negeri Selangor. Peruntukan ini untuk menampung pelaksanaan program/projek di pelbagai kementerian meliputi projek baharu dan sambungan.

301. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM41 juta peruntukan Program Mesra Rakyat (PMR) juga disediakan kepada ahli Parlimen dengan jumlah sebanyak RM 2 juta kepada ahli Parlimen Kerajaan dan RM 500,000 kepada Ahli Parlimen Pembangkang & Bebas. Selain itu, sejumlah RM21 juta pula disediakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menaiktaraf dan membaikpulih prasarana PBT untuk memastikan kelestarian kemudahan awam di bawah pihak berkuasa tempatan yang mampan dan lestari.

### **Kejayaan Penstrukturan Semula Industri Air Selangor**

302. Kerajaan Negeri akhirnya telah berjaya memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air dengan mengambil alih SPLASH pada 09 Ogos 2018. Dengan selesainya penstrukturan semula ini, Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd (Air Selangor) akan diuruskan secara bertanggungjawab dan berhemah. Sebarang kenaikan tarif akan mengambil beban kira kos sara hidup rakyat dan menjamin tarif yang *affordable* dan tidak membebankan.

303. Air Selangor merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, maka pengurusan dan operasi Air Selangor akan dikawal dan diawasi sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri di samping pemantauan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) selaku badan kawal selia air.

304. Pemantauan yang komprehensif ke atas Air Selangor ini akan mewujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana faedahnya akan dapat di rasai oleh semua rakyat Selangor dan pengguna. Kejayaan menyelesaikan kemelut ini adalah bukti hubungan federalisme yang kukuh dan positif akan menguntungkan rakyat negeri Selangor.

## **Wanita & Keluarga**

305. Wanita adalah tunjang kepada pembinaan keluarga dan masyarakat yang berdaya saing. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menjadi peneraju dalam merencana kebijakan yang memberdaya dan memartabatkan golongan wanita. Selain dari penubuhan Institut Wanita Berdaya sebagai 'think tank' khusus buat agenda memartabatkan wanita, Kerajaan Negeri Selangor aktif dalam memberdaya wanita dan mengangkat martabat wanita sebagai pembuat keputusan. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Selangor adalah satu-satunya Kerajaan Negeri yang memenuhi kuota 30 peratus wanita dalam barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)

## **Pusat Wanita Berdaya**

306. Dalam usaha untuk terus memberdaya dan mengangkat martabat wanita, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM 3 juta bagi Program Pemberdayaan Wanita melalui Pusat Wanita Berdaya di 56 DUN seluruh Selangor. Peruntukan ini akan digunakan bagi melaksana program khusus buat golongan wanita tidak mengira umur mahupun bangsa.

## **Program 'Work From Home'**

307. Kerajaan Negeri mengiktiraf peranan positif golongan wanita dalam pembangunan negeri selain pembangunan institusi keluarga yang berkualiti dalam melahirkan masyarakat yang sejahtera.

308. Menyedari akan hakikat peranan wanita yang semakin mencabar dan pelbagai masa kini, Kerajaan Negeri sentiasa peka, proaktif dan positif memberikan sokongan dan komitmen di dalam memartabatkan agenda pembangunan dan pemberdayaan wanita di Selangor.

309. Bagi mengorak langkah ke arah 'From Gift to Empowerment' ataupun Dari Pemberian Ke Pemberdayaan, golongan wanita akan diberi program khusus untuk memberdaya mereka dalam sektor usahawan.

310. Mulai 2019, usaha 'empowerment' golongan wanita ini akan dimulakan dengan Program 'Work From Home' bertujuan untuk melahirkan usahawan wanita yang berdaya saing, memenuhi keperluan semasa, menggalakkan wanita menceburi bidang perniagaan dan memberdaya komuniti wanita di Selangor. Program 'Work From Home' akan dimulakan menerusi penerima KISS melalui usahasama usahawan terkenal dunia fesyen iaitu Cosry Wise yang akan menyumbang secara pemberian latihan kemahiran jahitan manik melalui modul-modul yang bersifat fleksibel dan diperbaharui mengikut trend semasa agar ianya dapat menjana peluang pekerjaan dan perniagaan selain membangunkan industri fesyen di Selangor.

311. Pembaharuan dalam memberdaya golongan wanita terutama golongan B40 ini adalah diharapkan memberi ruang dan peluang kepada para penerima bantuan agar mampu berdikari untuk menjana pendapatan keluarga dan keluar daripada kepompong kemiskinan yang dihadapi selain turut sama menyumbang secara positif dan proaktif dalam membangunkan negeri.

### **Program 'Work From Home' (I-Asuh)**

312. Baru-baru ini rakyat Malaysia dikejutkan dengan beberapa kes kematian bayi dan kanak-kanak yang menyayat hati melibatkan isu pengasuh. Keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menangani isu melibatkan pengasuhan kanak-kanak di rumah dizahirkan melalui pelaksanaan program-program pembangunan kanak-kanak iaitu Kursus Insentif Perkembangan Kanak-Kanak (KIPK) yang melibatkan pengasuh dan pengusaha taska di rumah.

313. Sehubungan itu bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor mengorak langkah dengan mengambil inisiatif untuk mendaftarkan para pengasuh di rumah ini ke dalam I-Asuh agar maklumat berkaitan pengasuh di rumah dapat dihimpunkan dan dimanfaatkan bersama terutama kepada ibubapa bekerjaya yang memerlukan khidmat asuhan.

314. Dengan system I-Asuh ini Kerajaan Negeri berharap dapat membantu para ibu-bapa mencari pengasuh yang sesuai dan terlatih bagi menjaga anak-anak mereka sementara mereka mencari rezeki demi keluarga.

### **Program Kemahiran Mengendalikan Kanak-Kanak Berkeperluan Khas Shadow Teachers - Guru Anak Istimewa Selangor**

315. Penerimaan taska sedia ada terhadap golongan anak-anak berkeperluan khas pada masa kini adalah kurang dan sekali gus menjadi dilema kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak istimewa ke institusi yang menyediakan kemudahan dan pendidikan yang diperlukan oleh anak-anak mereka.

316. Menyedari kepentingan keperluan untuk menyediakan pengasuh dan guru taska, Kerajaan Negeri telah bercadang untuk memberikan kursus kemahiran dalam mengendalikan golongan Anak

Istimewa di Selangor supaya dapat memberi pendedahan dan kesedaran mengenai aksesibiliti pendidikan awal anak-anak berkeperluan khas, membina ruang pergaulan yang lebih inklusif di antara anak-anak normal dan anak-anak berkeperluan khas dan mengubah perspektif dan stigma masyarakat terhadap keperluan anak-anak.

317. Program yang diberi nama Shadow Teachers - Guru Anak Istimewa Selangor bertujuan melatih para pengasuh dan guru taska agar dapat mahir dan boleh membantu dalam penjagaan anak-anak berkeperluan khas.

318. Bagi program Work From Home, i-Asuh dan Guru Anak Istimewa Selangor ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM 1 juta bagi pelaksanaan tahun 2019.

## **PEMADAM**

319. Statistik Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan bahawa Selangor antara negeri tertinggi yang mencatatkan jumlah kes penyalahgunaan dadah di Malaysia. Setakat 7 Ogos 2018, terdapat 6,741 penagih dadah di Selangor, terutamanya di Petaling (1,723), Hulu Langat (1,011 orang) dan Klang (908 orang). Kawasan ini menjadi lokasi transit (hotspot) kerana kedudukannya yang hampir dengan Kuala Lumpur, selain menjadi antara lokasi kemasukan (point of entry) seperti Port Klang.

320. Usaha memerangi dadah tidak terhenti setakat rampasan dan tangkapan semata-mata, kerana perhatian perlu diberikan kepada golongan yang telah pun terjebak ke dalam kancang najis ini. Daerah Petaling menjadi perhatian kerana jumlah kes berulang paling tinggi (257 kes).

321. Yang lebih membimbangkan Kerajaan Negeri, terdapat sejumlah 353 anak-anak yang masih di bawah usia 18 tahun sudahpun disahkan positif dadah dan dikategorikan sebagai penagih.

322. Sedih, pilu dan mengejutkan. Inilah realiti masyarakat dalam zaman edan ini. Sebagai sebuah kerajaan yang peduli rakyat, ini menunjukkan betapa usaha dalam memerangi dadah tidak boleh ditangguh lagi.

323. Bagi menjayakan matlamat Selangor Sejahtera Tanpa Dadah dan seiring dengan gagasan Smart Selangor menjelang 2025, Kerajaan Negeri akan memastikan agar kes berulang dan kes baru menurun sebanyak 5%-7% pada tahun 2019.

324. Kerajaan Negeri akan menubuhkan Majlis Perundingan Antidadah Negeri Selangor bagi menggabungkan kesemua agensi dan badan bukan kerajaan berkaitan dadah di Selangor. Perancangan dan pelaksanaan pelan tindakan strategik Majlis Perundingan Antidadah Negeri Selangor dan inisiatif bagi tahun 2019 akan memfokuskan kepada tiga (3) teras utama iaitu aktiviti pendidikan-pencegahan, rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan secara bersepadu hingga ke akar umbi bagi mencegah penyalahgunaan dadah di Selangor.

325. Justeru, Kerajaan Negeri bersedia mengeluarkan peruntukan khas berjumlah RM1 juta bagi menjayakan pelan strategik Majlis Perundingan Antidadah Negeri Selangor dan inisiatif bagi tahun 2019.

### **Majlis Tindakan OKU Selangor**

326. Kerajaan Negeri percaya bahawa golongan OKU tidak boleh dipinggirkan dalam pembangunan negeri dan perlu mendapat perhatian khusus agar potensi mereka dapat ditonjolkan. Pelan khusus yang lebih komprehensif perlu dirangka agar selari dengan piawai dan permintaan terkini. Justeru itu Kerajaan Negeri Selangor bersetuju untuk menubuhkan Majlis Tindakan OKU Selangor yang akan menyelia pelaksanaan dasar OKU, membuat syor tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan

OKU seperti sokongan, penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU dengan harapan agar golongan OKU dapat sepenuhnya turut serta dalam pembangunan negara dan masyarakat. Untuk tujuan ini sebanyak RM270,000 diperuntukkan.

### **Program Bantuan Pendidikan**

327. Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor merupakan program bantuan penambahbaikan infrastruktur sekolah-sekolah di Negeri Selangor supaya tahap infrastruktur sekolah-sekolah di Negeri Selangor supaya lebih selamat dan kondusif.

328. Bantuan infra ini diagihkan berdasarkan permohonan pihak sekolah dengan mengambil kira jumlah pelajar dan keadaan terkini infrastruktur sekolah berdasarkan borang permohonan yang perlu dilengkapkan oleh setiap sekolah.

329. Bermula pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar baru Program Agihan Bantuan Sekolah ini di mana jumlah keseluruhan bantuan telah ditingkatkan daripada RM16 juta kepada RM22 juta. Bantuan ini juga telah diperluaskan kepada Sekolah Mubaligh dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK).

330. Untuk tahun 2019, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM24 juta di mana pecahannya adalah seperti berikut : Sekolah Agama Rakyat (RM 10 juta), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (RM 6 juta), Sekolah Menengah Persendirian Cina (RM 2 juta), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (RM5 juta) dan Sekolah Mubaligh dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) (RM 1 juta)

### **Pinjaman Pendidikan**

331. Pada tahun 2019, sejumlah RM16.6 juta peruntukan disediakan dengan cadangan pemurnian dasar dan penjajaran program Pendidikan di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor seperti berikut:

- i. Program Peduli Siswa Dalam Negara (IPTA/IPTS);
- ii. Program Khas Kakitangan Awam;
- iii. Program Khas Selangor Brain Bank (Pengajian Ijazah Sarjana Muda sehingga Phd);
- iv. Program Khas Peduli Siswa Luar Negara;
- v. Biasiswa Sagong Tasi;
- vi. Biasiswa DYMM Sultan Selangor (Sekolah Alam Shah, Putrajaya) dan
- vii. Biasiswa Menteri Besar;

### **Pemurnian Hasil Negeri Melalui Aliran Pendapatan Baharu**

332. Adalah menjadi satu amalan tradisi di mana sumber utama pendapatan negeri adalah daripada hasil cukai tanah semenjak 60 tahun yang lalu. Namun, sumber pendapatan tradisional ini akan berkurangan dari masa ke semasa disebabkan sumber cukai tanah yang terhad. Kerajaan Negeri juga sedar bahawa kebergantungan penuh terhadap sumber ini boleh menjejaskan peruntukan perbelanjaan negeri sama ada untuk perbelanjaan pengurusan mahupun perbelanjaan pembangunan di masa hadapan. Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan negeri dan menambah pendapatan,



Kerajaan Negeri mencadangkan satu pendekatan baru untuk diguna pakai bagi mencipta aliran pendapatan yang baharu kepada negeri.

334. Aliran pendapatan baharu ini akan diperoleh melalui hasil dari dividen anak-anak syarikat milik kerajaan atau disebut sebagai GLC dan perbadanan. Bagi merealisasikan hasrat ini, kerajaan sedang berusaha untuk mewujudkan satu sistem agar hasil dari dividen syarikat milik kerajaan dapat dibayar terus kepada kerajaan mulai 2019. Kerajaan Negeri menyasarkan RM 50 juta akan diperoleh melalui aliran pendapatan baharu ini untuk tahun 2019. Nilai ini adalah bersesuaian dengan kemampuan kedudukan kewangan anak-anak syarikat milik kerajaan dan perbadanan berdasarkan penelitian kepada 'cash flow' setiap syarikat dan perbadanan.

335. Bagi memperkukuh dan meningkatkan tahap kecekapan anak-anak syarikat kerajaan Negeri dan perbadanan, Kerajaan Negeri mencadangkan penyusunan dan penstrukturan semula struktur korporat syarikat-syarikat di bawah kerajaan negeri agar pembayaran dividen syarikat hasil dari keuntungan perniagaan mereka dapat di salur terus kepada kerajaan.

336. Sebelum ini terdapat syarikat milik kerajaan yang mempunyai keuntungan tetapi struktur korporat antara syarikat-syarikat ini menyekat mereka dari membayar dividen apabila penyatuan akaun (consolidation of account) dan ujian insolvensi dilakukan. Penyusunan semula syarikat-syarikat ini juga akan dibuat mengikut kluster dan merit untung rugi agar ia membolehkan mereka membuat pembayaran dividen secara berkesan.

337. Bagi tujuan dividen ini menjadi kenyataan, kerajaan akan melaksana strategi baru selepas penyusunan syarikat di lakukan. Kerajaan Negeri mencadangkan agar pelaksanaan polisi di mana semua anak syarikat dikehendaki membayar dividen kepada kerajaan pada kadar purata 30% dari keuntungan selepas cukai dan lulus ujian insolvensi iaitu satu ujian baru yang ditetapkan di dalam akta syarikat terkini oleh Pendaftar Syarikat Malaysia. Oleh itu dividen ini boleh dibayar bermula dari suku kedua berdasarkan proforma keuntungan setahun dengan melaksanakan ujian insolvensi tersebut.

338. Aliran pendapatan baharu melalui pembayaran dividen ini bertujuan untuk menambah pendapatan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program-program berorientasikan kepada mensejahterakan rakyat. Pendapatan tambahan dipulangkan semula kepada rakyat melalui program-program pembangunan dan Inisiatif Peduli Rakyat. Sebagai sebuah kerajaan negeri yang sentiasa peduli rakyat, Kerajaan Negeri Selangor telah membelanjakan hampir RM 3.5 billion menerusi pelbagai program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dan Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)

339. Selain itu, langkah ini membolehkan anak syarikat kerajaan negeri (GLC) dan perbadanan memainkan peranan penting dalam pembangunan negeri dan mengagihkan hasil negeri untuk dinikmati bersama oleh rakyat negeri Selangor. Menerusi konsep Maju Bersama, kerajaan negeri bersama dengan pihak swasta, korporat akan berganding bahu bersama penjawat awam dan rakyat bagi memastikan 'no one will be left behind.'

## **Penutup**

Tuan Speaker,

340. Belanjawan yang dibentangkan hari ini merupakan gabungan dua komponen; iaitu suatu rancangan jangka panjang untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan mencipta aliran baru pendapatan kepada negeri dan yang keduanya, mengekalkan komitmen Kerajaan Negeri untuk meneruskan agenda pemberdayaan rakyat untuk memastikan mereka bersedia dengan cabaran-cabaran baharu serta melaksanakan dasar-dasar untuk mempertingkatkan kedudukan sosio-ekonomi rakyat negeri ini. Menjayakan hasrat murni ini bertepatan dengan konsep *hayaatun toyyibatun*, suatu kehidupan yang baik sebagaimana yang termaktub dalam Surah An Nahlu ayat 97.

341. Hakikatnya, demi mencapai cita-cita tersebut Kerajaan Negeri perlu melaksanakan suatu rencana strategik sebagaimana yang dihuraikan dalam strategi kedua belanjawan iaitu program penjajaran serta meningkatkan keberkesanan program-program Inisiatif Peduli Rakyat.

342. Program penjajaran tersebut bukanlah semata-mata untuk menjimatkan wang kerajaan. Ianya dilaksanakan bagi memastikan segala bentuk bantuan dapat disalurkan kepada mereka yang benar-benar layak di samping disusun dengan penuh hemah serta cermat agar selari dengan program-program bantuan yang diselenggara oleh Kerajaan Pusat.

343. Manakala itu pentadbiran ini juga mempunyai kewajipan untuk memastikan kelangsungan fiskal Kerajaan Negeri yang mampan. Pengurusan yang bertanggungjawab, cekap, telus dan berintegriti harus menjadi *“fundamental core or the cornerstone of this administration.”*

344. Alhamdulillah sepanjang lima bulan ini saya memikul amanah sebagai Menteri Besar, saya merasa terharu dengan sokongan serta dokongan penjawat awam. Keazaman mereka untuk menunaikan tanggungjawab dan kecekapan mereka mentadbir menjadi inspirasi kepada saya untuk berusaha lebih kuat demi rakyat dan negeri ini.

345. Justeru sebagai suatu rangsangan agar para penjawat awam melonjakkan lagi prestasi mereka maka suatu pembayaran bantuan khas kewangan tambahan satu bulan gaji yang akan dibayar pada 20hb Disember 2018 memberi implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM 34.53 juta.

346. Saya dan pimpinan negeri berikrar dalam Dewan Yang Mulia ini untuk memastikan Negeri Selangor terus unggul sebagai sebuah negeri kosmopolitan yang sentiasa maju ke hadapan, berupaya berentap sebagai aktor ekonomi mahupun budaya di rantau Asia Tenggara dan teguh prihatin dengan nasib rakyat yang memerlukan pembelaan.

Tuan Speaker saya mohon mencadangkan.